




KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# SOROTAN 20 PASARAN BURUH 26

LABOUR MARKET REVIEW

SUKU TAHUN  
QUARTER 1





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## SOROTAN PASARAN BURUH *LABOUR MARKET REVIEW*

### SUKU TAHUN PERTAMA 2026 *FIRST QUARTER 2026*

#### **Pemakluman:**

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

#### **Announcement:**

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.*

*Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users’ analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*MyLabourHub is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.*

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel. : 03-8885 7000  
Faks : 03-8888 9248  
Portal : <https://www.dosm.gov.my>  
Facebook / X / Instagram / Youtube : StatsMalaysia  
Email : [info@dosm.gov.my](mailto:info@dosm.gov.my) (pertanyaan umum /  
*general enquiries*)  
[data@dosm.gov.my](mailto:data@dosm.gov.my) (pertanyaan & permintaan data /  
*data request & enquiries*)

Diterbitkan secara suku tahun / *Published quarterly*  
Edisi Suku Tahun Pertama 2026 diterbitkan pada Mei 2026 /  
*First Quarter Edition 2026 Edition published in May 2026*

**Hakcipta terpelihara / All right reserved.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.”

*No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:*

“Source: Department of Statistics Malaysia.”

**ISSN 3141 – 1304**

Sorotan Pasaran Buruh (LMR) merupakan penerbitan suku tahunan oleh Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini bertujuan untuk membawa penghayatan statistik rasmi dalam kehidupan melalui ulasan dan perihalan trend semasa pasaran buruh. Justeru, statistik suku tahunan digabungkan dalam naratif supaya pengguna memperoleh gambaran yang komprehensif berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Bahagian pertama LMR membentangkan kedudukan pasaran buruh Malaysia pada suku tahun pertama 2026 serta perkaitannya dengan prestasi ekonomi dan senario sosial negara dalam tempoh tersebut. Sorotan ini meliputi empat dimensi utama berkaitan maklumat pasaran buruh negara yang merangkumi penawaran, permintaan, produktiviti buruh dan upah pekerja. Satu segmen khusus yang memberi fokus kepada isu atau tema terpilih berkenaan dengan situasi pasaran buruh global dan nasional turut dimuatkan dalam laporan ini. Istimewanya dalam setiap edisi LMR suku tahunan, turut diketengahkan satu atau lebih artikel berkaitan isu-isu pasaran buruh melalui statistik, atau metodologi bagi memperkukuh statistik pasaran buruh. Jadual terperinci statistik siri masa suku tahunan yang berkaitan dengan empat dimensi pasaran buruh turut disertakan.

Laporan ini akan menghuraikan perubahan tahun ke tahun selain perubahan jangka pendek dari suku sebelumnya bagi mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan perubahan suku tahunan dengan berhati-hati kerana statistik ini tidak dibuat pelarasan musim. LMR boleh digunakan oleh penggubal dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan laporan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai. Diharapkan laporan ini dapat memenuhi keperluan terhadap statistik pasaran buruh yang semakin meningkat.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkaan Malaysia

Mei 2026

*The Labour Market Review (LMR) is a quarterly publication by the Malaysian Bureau of Labour Statistics (MBLS), Department of Statistics, Malaysia (DOSM). This report aims to bring official statistics to life through reviews and features that highlighted the most recent trends in the labour market. The quarterly statistics are consolidated into a narrative to provide readers with a comprehensive view of Malaysia's labour market.*

*The first part of the LMR presents the state of Malaysia's labour market in the first quarter of 2026 by contextualizing its linkages to the country's economic performance and social circumstances during the period. The review covers four main aspects of national labour market information encompassing labour supply, demand, productivity and employee wages. A dedicated segment on a selected issue or theme related to global and national labour market circumstances is also included in this report. A special feature of the LMR is that each quarter include one or more article(s) highlighting labour market issues through statistics; or delving into methodologies to strengthen labour market statistics. Detailed quarterly time series statistical tables pertaining to the four topics are also included.*


*The report elaborates on the year-on-year changes as well as short-term changes from the previous quarter to examine the immediate effect of recent events. Users are advised to interpret quarterly changes with caution as they are non-seasonally adjusted. The LMR can be used by policy makers, academicians, economists, researchers and other users for studies related to the labour market.*

*DOSM gratefully acknowledges the cooperation and contributions rendered by all parties in making this report a success. Every feedback and suggestions towards improving future reports are highly appreciated. It is hoped that this report can facilitate the growing demand for labour market statistics.*

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**  
Chief Statistician Malaysia

May 2026

<b>Kata Pengantar / Preface</b>	<b>i</b>
<b>Kandungan / Contents</b>	<b>iii</b>
<b>Glosari / Glossary</b>	<b>iv</b>
<b>Akronim / Acronyms</b>	<b>vii</b>
<b>Infografik ST1 2026 / Infographic Q1 2026</b>	<b>ix</b>
<b>Sorotan Utama / Key Review</b>	<b>1</b>
<b>Pendahuluan / Introduction</b>	<b>3</b>
<b>Penawaran Buruh / Labour Supply</b>	<b>5</b>
<b>Permintaan Buruh / Labour Demand</b>	<b>29</b>
<b>Produktiviti Buruh / Labour Productivity</b>	<b>37</b>
<b>Upah Pekerja / Employee Wages</b>	<b>43</b>
<b>Menuju Ke Hadapan / Way Forward</b>	<b>50</b>
<i>Pusat Data sebagai Pemacu Transformasi Pasaran Buruh Malaysia Data Centres as the New Driver of Malaysia's Labour Market</i>	
<b>Kesimpulan / Conclusion</b>	<b>52</b>
<b>Artikel / Box Article</b>	<b>55</b>
<i>Melangkau Pengangguran: Analisis Struktur NEET Belia di Malaysia Beyond Unemployment: A Structural Analysis of Youth NEET in Malaysia</i>	
<b>Jadual Statistik / Statistical Tables</b>	
<b>Penawaran Buruh, Malaysia, ST2 2023 – ST1 2026</b> <i>Labour Supply, Malaysia, Q2 2023 – Q1 2026</i>	<b>A1-A19</b>
<b>Permintaan Buruh, Malaysia, ST2 2023 – ST1 2026</b> <i>Labour Demand, Malaysia, Q2 2023 – Q1 2026</i>	<b>B1-B12</b>
<b>Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023 – ST1 2026</b> <i>Labour Productivity, Malaysia, Q2 2023 – Q1 2026</i>	<b>C1-C16</b>
<b>Upah Pekerja, Malaysia, ST2 2023 – ST1 2026</b> <i>Employee Wages, Malaysia, Q2 2023 – Q1 2026</i>	<b>D1-D6</b>



## Glosari / Glossary

- Aktiviti ekonomi /  
*Economic activity* : Merujuk kepada klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.  
*Refers to classification of industries according to the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 version 1.0 into five main sectors namely Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services. In the meantime, Manufacturing and Services are further disaggregated into sub-sectors.*
- Belia / *Youth* : Penduduk yang berumur antara 15 hingga 24 tahun.  
*All persons between the aged of 15 and 24 years.*
- Bekerja / *Employed* : Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.  
*All persons who, at any time during the reference week worked at least one hour for pay, profit or family gain (as an employer, employee, own account worker or unpaid family worker). They are also considered as employed if they did not work during the reference week because of illness, injury, bad weather, leave, labour dispute and social or religious reasons but had a job, farm, enterprise or other family enterprise to return to and those on temporary lay-off with pay who would definitely be called back to work.*
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran /  
*Skill-related underemployment* : Merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.  
*Those with tertiary education and working in the semi-skilled and low-skilled categories.*
- Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa /  
*Time-related underemployment* : Merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.  
*People employed less than 30 hours during the reference week because of the nature of their work or due to insufficient work and are able and willing to accept additional hours of work.*



## Glosari / Glossary

- Jawatan / Jobs** : Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.  
*Total labour required by establishments to produce goods and services at a given point in time, which comprised of filled jobs and vacancies.*
- Jawatan diisi / Filled jobs** : Pekerja bergaji (sepenuh masa dan sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja yang bercuti tanpa gaji.  
*Paid employee (full-time and part-time); and thus, exclude individual proprietors and business partners, unpaid family workers and employees on unpaid leave.*
- Jumlah jam bekerja / Total hour worked** : Agregat jam bekerja sebenar bagi tempoh satu suku tahunan ialah hasil darab pekerja dengan purata jam bekerja seminggu yang kemudiannya didarabkan dengan 13 minggu.  
*The aggregate number of hours actually worked for a quarter which is the result of multiplying employment with the average weekly hours times 13 weeks.*
- Kadar pengangguran / Unemployment rate** : Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, dalam bentuk peratusan.  
*The proportion of the unemployed population to the total population in labour force, expressed as a percentage.*
- Kategori kemahiran / Category of skills** : Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawai Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan professional bersekutu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas.  
*For reporting purpose, the category of occupation is regrouped into three levels of skills based on the Malaysia Standard Classification of Occupation (MASCO) 2013 namely Skilled workers - 1. Managers; 2. Professionals; 3. Technicians and associate professionals; Semi-skilled workers - 4. Clerical support workers; 5. Service and sales workers; 6. Skilled agricultural, forestry, livestock and fishery workers; 7. Craft and related trades workers; 8. Plant and machine operators and assemblers; and Low-skilled workers - 9. Elementary occupations.*

## Glosari / Glossary

- Kadar penyertaan tenaga buruh / *Labour force participation rate* : Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.  
*The ratio of labour force to the working-age population, expressed as a percentage.*
- Kekosongan / *Vacancies* : Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.  
*Unfilled jobs which are ready to be filled. Employers are actively seeking candidates including advertising vacancies, issuing notices and registering with employment agencies as well as conducting interviews to select candidates to fill in the vacancies.*
- Luar tenaga buruh / *Outside labour force* : Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.  
*All persons not classified as employed or unemployed which includes housewives, students (including those going for further studies), retired, disabled persons and those not interested in looking for a job.*
- Majikan / *Employer* : Merujuk kepada orang yang telah menerima pekerja melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan termasuk; (i) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada pekerja; (ii) mana-mana badan sama ada berkanun atau tidak diperbadankan; dan (iii) mana-mana badan Kerajaan, Jabatan Kerajaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau badan lain yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan, jika seseorang pekerja bekerja dengan mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan itu atau dengan mana-mana pegawai bagi pihak mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan, pegawai yang mempunyai pekerja dibawahnya dikira sebagai majikan: Dengan syarat bahawa tiada pegawai boleh bertanggungjawab secara peribadi di bawah Akta bagi perkara-perkara yang dilakukan oleh seorang pekerja majikan tersebut.  
*Refer to the person with whom an employee has entered into a contract of service or apprenticeship and includes; (i) a manager, agent or person responsible for the payment of salary or wages to an "employee"; (ii) any body of persons, whether or not statutory or incorporated; and (iii) any Government, Department of Government, statutory bodies, local authorities or other bodies specified in the Second Schedule and, where an employee is employed with any such Government, department, authority or body or with any officer on behalf of any such Government, department, authority or body, the officer under whom such employee is working shall be deemed to be an employer: Provided that no such officer shall be personally liable under this Act for anything done or omitted to be done in good faith by him as an officer of the such employer.*


## Glosari / Glossary

- Menganggur /  
*Unemployed* : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.  
*Those who did not work during the reference week but are interested to work and seeking for a job. Classified into two groups which are actively and inactively unemployed.*
- Nilai ditambah /  
*Value added* : Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.  
*The difference between output and intermediate consumption. It represents the value added of goods and services by economic activity. Hence, it is approximately equivalent to commercial profit, salaries and wages, depreciation and indirect taxes; plus, interest paid and less interest received.*
- Nilai ditambah /  
*Value added* : Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.  
*The difference between output and intermediate consumption. It represents the value added of goods and services by economic activity. Hence, it is approximately equivalent to commercial profit, salaries and wages, depreciation and indirect taxes; plus, interest paid and less interest received.*
- Nisbah guna tenaga  
kepada penduduk /  
*Employment-to-  
population ratio* : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja, dalam bentuk peratusan.  
*The proportion of employed population to working-age population, expressed as a percentage.*
- Pekerja / *Employees* : Merujuk kepada orang yang bekerja sama ada melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan, sama ada bertulis atau lisan dan sama ada tersurat atau tersirat, untuk bekerja dengan majikan.  
*Refers to any person who is employed under a contract of service or apprenticeship, whether written or oral and whether expressed or implied, to work for an employer. expressed as a percentage.*
- Pencapaian  
pendidikan /  
*Educational  
attainment* : Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi.  
*Refers to the highest level in which a person has completed schooling or is currently attending school in a public or private educational institution that provides formal education.*



## Glosari / Glossary

- Pewujudan jawatan /  
*Jobs created* : Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.  
*Jobs created in an organisation which were not previously available, including newly created service schemes, jobs created for the promotion of existing employees and increase in the number of jobs from the existing structure.*
- Produktiviti buruh /  
*Labour productivity* : Merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia.  
*Refers to the efficiency and effectiveness of each employee to generate value added or overall output. It is calculated by using the ratio of value added to the total hours worked or employment by sector in Malaysia.*
- Taraf pekerjaan /  
*Status in employment* : Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan International Classification of Status in Employment (ICSE-93).  
*Refers to the position or status of an employed person within the establishment or organisation for which he/she worked and is adapted based on the International Classification of Status in Employment (ICSE-93).*
- Tenaga buruh /  
*Labour force* : Penduduk dalam kumpulan umur bekerja (dalam tahun mengikut ulang tahun kelahiran yang lepas), sama ada bekerja atau menganggur, dalam minggu rujukan.  
*The population in the working-age group (in completed years at last birthday), either employed or unemployed in the reference week.*
- Umur bekerja /  
*Working age* : Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.  
*All persons aged between 15 to 64 years who are either in the labour force or outside labour force*



## Glosari / Glossary

Upah / Wages

: Merujuk kepada semua ganjaran dalam bentuk wang yang dibayar sepanjang tempoh rujukan kepada pekerja. Anggaran upah termasuk bonus, komisen, dan elaun mengikut definisi sumber data. Tidak termasuk: (i) caj perkhidmatan; (ii) bayaran kerja lebih masa; (iii) ganjaran; (iv) faedah persaraan; (v) faedah pengurangan pekerja, pemberhentian atau penamatan; (vi) mana-mana elaun perjalanan atau nilai mana-mana konsesi perjalanan; atau (vii) mana-mana saraan atau bayaran lain sebagaimana yang dikecualikan oleh Menteri.

*All remuneration in money payable to the employees due to his contract of service or apprenticeship, whether agreed to be paid monthly, weekly, daily or otherwise and includes any bonus, commission or allowance payable by the employer to the employee whether such bonus, commission or allowance is payable under his contract of service, apprenticeship or otherwise, but does not include: (i) service charge; (ii) overtime payment; (iii) gratuity; (iv) retirement benefit; (v) retrenchment, lay-off or termination benefits; (vi) any travelling allowance or the value of any travelling concession; or (vii) any other remuneration or payment as may be exempted by the Minister.*



## Akronim / Acronyms

DOSM	: Department of Statistics Malaysia
GDP	: Gross Domestic Product
IMF	: International Monetary Fund
LFPR	: Labour Force Participation Rate
LFS	: Labour Force Survey
MASCO	: Malaysia Standard Classification of Occupation
MSIC	: Malaysia Standard Industrial Classification
MSMEs	: Micro, Small and Medium Enterprises
Q	: Quarter
RM	: Ringgit Malaysia
TVET	: Technical and Vocational Education and Training

# SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN PERTAMA 2026


Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh dan berdaya tahan pada Suku Pertama 2026, dengan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) pada 70.9 peratus dan Permintaan Buruh meningkat dengan Kadar Kekosongan Jawatan 2.1 peratus.

## PENAWARAN BURUH

17.23 juta  
tenaga buruh

▲ 0.9% YoY  
▲ 0.3% QoQ


**Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)**  
naik 0.1 mata peratus berbanding ST1 2025



Jumlah jam bekerja  
pada ST1, **9.63** bilion jam

▲ 0.5% YoY  
▲ 0.2% QoQ


**Penduduk  
bekerja** terus  
mencatatkan  
peningkatan,  
kepada  
**16.73**  
juta orang



\*85.2 peratus tidak mencari kerja disebabkan:

7.08 juta  
luar  
tenaga buruh


▲ 0.4% YoY  
▲ 0.2% QoQ



## Kedudukan guna tenaga tidak penuh



Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran (%)  
**menurun** ▼ 0.5%

Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa (%)  
**menurun** ▼ 0.2%



## Pengangguran

Kadar pengangguran  
turun 0.2 mata peratus  
tahun ke tahun,  
pada 2.9 peratus



Penganggur berkurang pada ST1 2026 kepada **506.5** ribu orang




## PERMINTAAN BURUH

\* Statistik Tenaga Buruh suku tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

9.23  
juta jawatan

Jawatan dalam sektor ekonomi  
meningkat 1.8 peratus berbanding  
Suku Tahun Pertama 2025

32.7  
ribu perwujudan  
jawatan



▼ 1.5% YoY  
▲ 1.8% QoQ

Lebih separuh (58.0%) peluang pekerjaan pada ST1 2026 adalah dalam sektor Pembuatan sebanyak 113.0 ribu kekosongan



@StatsMalaysia



# SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN PERTAMA 2026

## PRODUKTIVITI BURUH

Kedua-dua pengukuran produktiviti buruh mencatatkan peningkatan berbanding suku yang sama tahun sebelumnya




**RM45.5**  
per jam




**RM26,171**  
seorang

\*Nota: Statistik Produktiviti Buruh suku tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran Statistik Tenaga Buruh terkini

Nilai ditambah per jam bekerja (RM)    Nilai ditambah per pekerja (RM)    % YoY



## STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL)




Pada Disember 2025,  
**7.08 juta** pekerja formal warganegara  
Pertumbuhan YoY: **3.7%**

**595.2** ribu pekerja


**851.4** ribu pekerja

8.4% (595.2 ribu) pekerja sektor formal Malaysia berpendapatan di bawah RM1,700 pada Dis 2025



## PRESTASI PASARAN BURUH MENGIKUT NEGERI

W.P. Putrajaya merekodkan kadar penyertaan tenaga buruh tertinggi sebanyak 79.2 peratus manakala kadar pengangguran terendah dicatatkan di Pahang (1.9 peratus) dan W.P. Putrajaya (1.3 peratus).



KPTB : ST1 2026 (ST4' 2025)    KP : ST1 2026 (ST4' 2025)

\*Nota:  
KPTB : Kadar penyertaan tenaga buruh (%)  
KP : Kadar Pengangguran (%)

† : Statistik Tenaga Buruh suku tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini



@StatsMalaysia




# LABOUR MARKET REVIEW, FIRST QUARTER 2026

Malaysia's labour market remained strong and resilient in the First Quarter of 2026, with the Labour Force Participation Rate (LFPR) at 70.9 per cent and Labour Demand improving, as reflected by a Job Vacancies Rate of 2.1 per cent

## LABOUR SUPPLY

**17.23 million**  
labour force


▲ **0.9%** YoY  
▲ **0.3%** QoQ




\*85.2 per cent did not seek for work due to:

**7.08 million**  
outside  
labour force

▲ **0.4%** YoY  
▲ **0.2%** QoQ





## Underemployment situation



## Unemployment

**Unemployment rate**  
declined by 0.2 percentage  
points year-on-year,  
stable at 2.9 per cent





**Unemployed** decreased during Q1 2026 to **506.5 thousand persons**

## LABOUR DEMAND

**9.23 million**  
jobs

**Jobs in economic sector**  
increased by 1.8 per cent  
compared to First Quarter 2025

**32.7 thousand**  
jobs created



More than half (**58.0%**) of jobs opening during Q1 2026 were in the **Manufacturing sector** with a total of **113.0 thousand vacancies**

\* : The Quarterly Labour Force Survey Statistics from first quarter of 2024 were revised based on the latest current population estimates



@StatsMalaysia

BANI 26  
BANKI EKONOMI 2026  
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI  
kesejahteraan

ODIN  
OPEN DATA INVENTORY  
MALAYSIA  
TEMPAT PERILAKU  
DI DUNIA


20 Oktober

2016 - 2030


# LABOUR MARKET REVIEW, FIRST QUARTER 2026

## LABOUR PRODUCTIVITY

Both measures of labour productivity registered an increase compared to the same quarter of the previous year



## EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR)



In December 2025,  
**7.08 million** citizen formal employees  
Growth YoY: **3.7%**


**595.2** thousand employees

**851.4** thousand employees

8.4% (595.2 thousand) of Malaysian formal sector employee earned below RM1,700 in Dis 2025

## LABOUR MARKET PERFORMANCE AT STATE LEVEL

W.P. Putrajaya recorded the highest labour force participation rate of 79.2 per cent and the lowest unemployment rate was posted in Pahang (1.9 per cent) and W.P. Putrajaya (1.3 per cent).



LFPR : Q1 2026 (Q4' 2025) ■ UR : Q1 2026 (Q4' 2025) ■

\*Note:  
LFPR : Labour force participation rate (%)  
UR : Unemployment rate (%)

† : The Quarterly Labour Force Survey Statistics from first quarter of 2024 were revised based on the latest current population estimates



## Sorotan Utama Bagi ST1 2026

- ▶ Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh dan berdaya tahan pada Suku Pertama 2026, dengan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) pada 70.9 peratus dan Permintaan Buruh meningkat dengan Kadar Kekosongan Jawatan 2.1 peratus.
- ▶ Pasaran buruh kekal berdaya tahan pada suku pertama 2026 walaupun berlaku konflik di Asia Barat, disokong oleh peningkatan tenaga buruh sebanyak 0.9 peratus tahun ke tahun kepada 17.23 juta orang. Sehubungan itu, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.9 peratus.
- ▶ Bilangan penduduk bekerja turut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.0 peratus kepada 16.73 juta orang, manakala nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat kepada 68.8 peratus. Dalam tempoh yang sama, bilangan penganggur menurun sebanyak 3.1 peratus (-16.0 ribu orang) kepada 506.5 ribu orang, seterusnya merekodkan kadar pengangguran sebanyak 2.9 peratus.
- ▶ Bilangan penduduk bekerja yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu terus mencatatkan penurunan sebanyak 4.1 peratus setahun lalu kepada 231.6 ribu orang, didorong oleh permintaan domestik yang kekal kukuh sepanjang suku pertama 2026. Selaras dengan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, yang melibatkan lebih daripada satu pertiga penduduk bekerja berpendidikan tertuari, berkurang sebanyak 0.5 mata peratus kepada 35.2 peratus pada suku pertama 2026 dan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa turut menurun kepada 0.7 peratus.
- ▶ Permintaan buruh merekodkan peningkatan jumlah jawatan sebanyak 1.8 peratus tahun ke tahun kepada 9.23 juta jawatan. Daripada keseluruhan jawatan, 97.9 peratus merupakan jawatan diisi turut meningkat 1.8 peratus mencapai 9.03 juta. Disamping itu, dalam tempoh tersebut, kekosongan merekodkan peningkatan marginal 0.4 peratus kepada 194.8 ribu. Walau bagaimanapun, bilangan perwujudan jawatan turun sebanyak 1.5 peratus tahun ke tahun kepada 32.7 ribu.
- ▶ Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.4 peratus pada suku tahun pertama 2026 berbanding 4.4 peratus pada suku yang sama tahun sebelumnya. Produktiviti buruh, yang diukur melalui nilai ditambah per pekerja, meningkat sebanyak 4.3 peratus kepada RM26,171 bagi setiap orang. Disamping itu, jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 0.5 peratus kepada 9.63 bilion jam. Sehubungan itu, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat sebanyak 4.8 peratus, mencapai RM45.5 bagi setiap jam.
- ▶ Secara keseluruhan, disebalik konflik Asia Barat yang berlaku, pasaran buruh Malaysia kekal stabil dengan peningkatan guna tenaga, pengurangan pengangguran dan produktiviti buruh yang lebih tinggi disokong oleh inisiatif awal daripada kerajaan untuk mengawal penggunaan bahan api seperti pelaksanaan bekerja dari rumah yang melibatkan sektor awam dan menyasarkan semula subsidi bahan api kepada kumpulan yang layak.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**  
*This page is deliberately left blank*

# 1 Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh dan berdaya tahan pada Suku Pertama 2026, dengan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) pada 70.9 peratus dan Permintaan Buruh meningkat dengan Kadar Kekosongan Jawatan 2.1 peratus.

Hari ini Krisis Asia Barat mencabar daya tahan ekonomi global. Malaysia kekal berdaya saing pada suku pertama tahun 2026, mencerminkan asas ekonomi yang kukuh semasa ketidakpastian ekonomi global yang semakin meningkat, terutamanya disebabkan kenaikan harga minyak yang didorong oleh ketegangan geopolitik yang berterusan. Konflik di Asia Barat yang bermula pada Februari 2026 telah memberi impak yang ketara terhadap harga tenaga, terutamanya minyak dan gas, dan telah menjejaskan kestabilan ekonomi global. Pada masa yang sama, dunia kini berada dalam fasa persaingan kuasa besar yang semakin ketara. Perkembangan ini telah menyebabkan peningkatan harga minyak, meningkatkan lagi risiko inflasi dan menyumbang kepada ketidakstabilan dalam pelaburan global. Berdasarkan Bank Negara Malaysia, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus pada 2026, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan momentum pelaburan yang berterusan. Walau bagaimanapun, kesan Konflik Asia Barat akan dijangka memberi kesan yang lebih besar pada suku kedua dan ketiga 2026, terutamanya terhadap kos pengeluaran dan inflasi<sup>1</sup>.

Pada suku pertama 2026, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 5.4 peratus, didorong oleh perbelanjaan isi rumah yang mampan, aktiviti pelaburan yang stabil dan pengembangan eksport yang berterusan<sup>2</sup>. Pertumbuhan ekonomi didorong oleh pengembangan dalam sektor Perkhidmatan, Pembuatan, Pembinaan dan Pertanian. Pertumbuhan eksport Malaysia mula menunjukkan penyederhanaan pada bulan Mac, mencerminkan permintaan luaran yang lebih perlahan. Ketegangan geopolitik yang semakin meningkat di Asia Barat, termasuk penutupan sementara koridor ruang udara utama, telah mengganggu logistik dan meningkatkan kos pengangkutan, terutamanya untuk barangan yang sensitif masa dan bernilai tinggi. Perkembangan ini telah menjejaskan momentum perdagangan dengan menyebabkan kelewatan penghantaran dan pelarasan rantai bekalan. Bagi Malaysia, kesannya diburukkan lagi oleh integrasinya yang kukuh ke dalam rantai nilai global, di mana sebarang kejutan luaran boleh dengan cepat menjejaskan prestasi eksport. Walaupun kelembapan mungkin bersifat sementara, ketidakpastian yang berpanjangan boleh menjejaskan lagi aktiviti perdagangan dan keyakinan perniagaan dalam beberapa bulan akan datang.

<sup>1</sup>The Star Online. (2026, April 27). Malaysia's oil shock economic playbook. The Star. <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2026/04/28/malysias-oil-shock-economic-playbook>

<sup>2</sup>Leng, T. A. (2026). Malaysia economy expands 5.4% in Q1 as Bank Negara warns of tougher outlook. The Business Times. <https://www.businesstimes.com.sg/international/asean/malaysia-economy-expands-5-4-q1-bank-negara-warns-tougher-outlook>

Walaupun terdapat pelbagai cabaran, ekonomi Malaysia kekal kukuh secara asasnya pada suku tahun pertama 2026, disokong oleh permintaan domestik yang stabil dan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan, di samping pelaburan dan aktiviti eksport yang berterusan. Inflasi juga kekal sederhana pada sekitar 1.7 peratus pada bulan Mac, membantu mengekalkan kestabilan ekonomi. Secara keseluruhan, ekonomi terus berkembang pada kadar yang stabil tetapi sederhana, mencerminkan asas domestik yang kukuh, walaupun ia semakin terdedah kepada risiko dan ketidakpastian global, terutamanya daripada ketegangan geopolitik dan permintaan luaran yang lebih perlahan<sup>3</sup>.

Dari perspektif sektor, pembuatan dan perdagangan luar terus menunjukkan momentum yang menggalakkan, disokong oleh permintaan global yang mampan dan kecekapan operasi yang lebih baik. Sektor perdagangan borang dan runcit juga berkembang, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan faktor bermusim seperti Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri, walaupun tekanan kos yang semakin meningkat dan ketidakpastian luaran mungkin memberi kesan kepada pengguna.

Pasaran buruh Malaysia kekal stabil, seperti yang dicerminkan oleh peningkatan jawatan dan kadar pengangguran yang rendah, disokong oleh pemulihan ekonomi yang berterusan dan pemulihan sektor pelancongan. Inisiatif seperti Tahun Melawat Malaysia 2026 dijangka akan merangsang penciptaan pekerjaan dan meluaskan peluang pekerjaan merentasi industri berkaitan.

Sorotan Pasaran Buruh Suku Tahun Pertama 2026 menyediakan penilaian komprehensif mengenai Penawaran Buruh, Permintaan Buruh, Produktiviti Buruh, dan Upah Pekerja. Ia juga merangkumi artikel khas mengenai trend semasa pasaran buruh, menyokong penggubalan dasar yang berkesan serta menunjukkan kemajuan Malaysia dalam membina tenaga kerja yang berdaya tahan, adaptif, dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.


<sup>3</sup>Radio Televisyen Malaysia. (2026). Inflasi Mac meningkat, rakyat berdepan cabaran penyesuaian kos. RTM Berita Nasional. <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/inflasi-mac-meningkat-rakyat-berdepan-cabaran-peny-suaian-kos/>

## 2.1 Tenaga buruh

Pada suku tahun pertama 2026, penawaran buruh terus mengekalkan peningkatan berbanding suku sama pada tahun 2025. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) berada pada 70.9 peratus pada ST1 2026, kekal tidak berubah berbanding suku sebelumnya. Sepanjang tempoh suku tersebut, bilangan tenaga buruh mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 0.9 peratus (+145.4 ribu orang) pada ST1 2026. Berbanding suku tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.3 peratus (+46.6 ribu orang), manakala KPTB kekal pada 70.9 [Carta 2.1 & 2.2].

Carta 2.1:

### Tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), ST1 2023 – ST1 2026




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Carta 2.2:

### Peratus perubahan tenaga buruh, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini



Mengikut pecahan jantina, lelaki menyumbang hampir dua pertiga daripada tenaga buruh pada ST1 2026 dengan sumbangan sebanyak 62.5 peratus, bersamaan 10.78 juta orang. Tenaga buruh lelaki telah mencatatkan peningkatan tahunan 0.6 peratus (+64.6 ribu orang). Sebaliknya tenaga buruh perempuan menyumbang 37.5 peratus, meningkat 1.3 peratus (+80.9 ribu orang) tahun ke tahun kepada 6.46 juta orang. Secara suku tahunan, kedua-dua tenaga buruh lelaki dan perempuan bertambah 0.2 peratus dan 0.4 peratus berbanding suku tahun sebelumnya [Carta 2.3].

Carta 2.3:

### Taburan dan peratus perubahan tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2026

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Mengikut pecahan kumpulan umur bagi tenaga buruh, mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun merangkumi 30.4 peratus atau 5.24 juta orang pada ST1 2026. Sementara itu, tenaga buruh bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun menyumbang 27.0 peratus, diikuti 17.7 peratus bagi yang berumur 45 hingga 54 tahun dan 16.6 peratus bagi yang berumur 15 hingga 24 tahun. Kumpulan umur 55 tahun hingga 64 tahun merupakan penyumbang pecahan paling rendah bagi tenaga buruh iaitu 8.3 peratus.



Pada ST1 2026, pertumbuhan tahun ke tahun merentas kohort umur menunjukkan trend berbeza, sesetengah kohort mencatatkan peningkatan manakala yang lain mengalami penurunan. Kumpulan umur 45 hingga 54 tahun mencatatkan peningkatan tertinggi dalam tenaga buruh sebanyak 4.1 peratus (+120.9 ribu orang) kepada 3.06 juta orang. Pada masa yang sama, kumpulan umur lain yang menunjukkan pertumbuhan ketara dalam tenaga buruh pada suku tersebut adalah mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun, meningkat sebanyak 1.2 peratus (+33.0 ribu orang) kepada 2.85 juta orang. Selain itu, kumpulan umur 25 hingga 34 tahun juga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.6 peratus (+28.7 ribu orang) kepada 5.24 juta orang. Walau bagaimanapun, tenaga buruh bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun dan 55 hingga 64 tahun masing-masing menurun sebanyak 0.4 peratus dan 1.4 peratus [Carta 2.4].

Carta 2.4:

### Taburan dan peratus perubahan tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST1 2026

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Bagi penyertaan tenaga buruh mengikut jantina, KPTB lelaki kekal pada 83.3 peratus, manakala KPTB perempuan meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 56.8 peratus pada ST1 2026 berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, data menunjukkan bahawa KPTB lelaki secara purata kekal melebihi 80.0 peratus, hampir dua kali ganda kadar yang dicatatkan oleh perempuan. Dari segi penyertaan tenaga buruh mengikut kumpulan umur, dua kumpulan umur menunjukkan KPTB melebihi 80.0 peratus. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) tertinggi dicatatkan oleh kumpulan umur 25 hingga 34 tahun pada 86.8 peratus, diikuti oleh kumpulan umur 35 hingga 44 tahun pada 83.5 peratus. Tambahan pula, mereka berumur 45 hingga 54 tahun turut merekodkan KPTB yang agak tinggi pada 78.3 peratus, melebihi KPTB nasional. Sebaliknya, kumpulan umur 15 hingga 24 tahun dan 55 hingga 64 tahun mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) terendah masing-masing pada 48.4 peratus dan 49.3 peratus.


Pecahan lanjut mengikut jantina dan kumpulan umur menunjukkan bahawa lelaki dan wanita mempunyai puncak KPTB yang berbeza. KPTB lelaki melonjak melebihi 90.0 peratus bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan kekal tinggi sehingga kumpulan umur 45 hingga 54 tahun sebelum menurun pada kumpulan umur tertua iaitu 55 hingga 64 tahun. Pada ST1 2026, KPTB lelaki memuncak pada 98.3 peratus bagi kumpulan berumur 35 hingga 44 tahun dan KPTB wanita pada 72.9 peratus bagi kumpulan berumur 25 hingga 34 tahun. Walau bagaimanapun, KPTB wanita menurun untuk kumpulan umur yang lebih muda berbanding lelaki dan terus berkurang selaras dengan peningkatan umur [Carta 2.5].

Carta 2.5:


### Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2026

Jumlah    Lelaki    Perempuan

Peratus (%)



Peratus (%)




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

## 2.2 Guna tenaga

Pada ST1 2026, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 1.0 peratus tahun ke tahun (+161.5 ribu orang) kepada 16.73 juta orang berbanding pertumbuhan 0.9 peratus yang direkodkan pada suku sebelumnya. Sehubungan itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang mengukur keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, meningkat sebanyak 0.2 mata peratus berbanding suku tahun yang sama pada tahun sebelumnya kepada 68.8 peratus. Secara suku tahunan, bilangan penduduk bekerja bertambah sebanyak 0.3 peratus (+48.5 ribu orang), manakala nisbah guna tenaga kepada penduduk kekal pada 68.8 peratus [Carta 2.6 & 2.7].

Carta 2.6:

### Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, ST1 2023 – ST1 2026




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Carta 2.7:

### Peratus perubahan penduduk bekerja, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini



Lelaki merangkumi lebih daripada separuh penduduk bekerja pada ST1 2026, mewakili 62.6 peratus atau 10.47 juta orang, manakala perempuan pula terdiri daripada 37.4 peratus atau 6.25 juta orang. Peningkatan bilangan penduduk bekerja dari suku sama tahun sebelumnya disokong oleh kenaikan bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan iaitu masing-masing sebanyak 0.7 peratus (+75.7 ribu orang) dan 1.4 peratus (+85.8 ribu orang). Secara suku tahunan, bilangan penduduk bekerja bagi lelaki dan perempuan mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 0.2 peratus dan 0.4 peratus **[Carta 2.8]**.

Carta 2.8:

### Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut jantina, ST1 2026

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Pada ST1 2026, kumpulan umur 25 hingga 34 tahun merekodkan sumbangan terbesar dalam penduduk bekerja, seramai 30.6 peratus atau 5.11 juta orang. Ini diikuti kumpulan umur 35 hingga 44 tahun yang berada pada kedudukan kedua dengan 27.5 peratus atau 4.61 juta orang. Hasil gabungan kedua-dua kategori ini merangkumi hampir tiga per empat daripada jumlah guna tenaga. Sementara itu, belia bekerja berumur 15 hingga 24 tahun menyumbang 15.4 peratus atau bersamaan 2.57 juta orang, manakala kumpulan umur yang lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun menyumbang 1.41 juta orang, merangkumi 8.4 peratus pada suku tahun ini.



Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bilangan penduduk bekerja meningkat merentas semua kategori pada ST1 2026, kecuali bagi kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Pertumbuhan tertinggi dalam bilangan penduduk bekerja dicatatkan oleh kumpulan umur 45 hingga 54 tahun dengan pertumbuhan sebanyak 4.4 peratus (+127.0 ribu orang), diikuti oleh belia berumur 15 hingga 24 tahun, meningkat 1.1 peratus (+28.7 ribu orang). Kategori lain yang mencatatkan pertumbuhan signifikan dalam penduduk bekerja bagi suku tahun tersebut adalah mereka berumur 25 hingga 34 tahun dan 55 hingga 64 tahun dengan masing-masing meningkat 0.4 peratus dan 0.8 peratus. Sementara itu, mereka yang berumur 35 hingga 44 tahun mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus sepanjang suku tahun tersebut **[Carta 2.9]**.

Carta 2.9:

### Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut kumpulan umur, ST1 2026

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Dari segi pecahan mengikut pencapaian pendidikan, majoriti daripada penduduk bekerja mempunyai pendidikan menengah yang merangkumi seramai 56.6 peratus atau 9.47 juta orang, diikuti oleh pendidikan tertiar seramai 32.8 peratus atau 5.49 juta orang. Sementara itu, penduduk bekerja dengan pendidikan rendah dan tiada Pendidikan formal masing-masing mewakili 8.6 peratus dan 2.0 peratus.



Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, penduduk bekerja yang tiada Pendidikan formal berkurang 17.3 peratus (-69.5 ribu orang) dan mereka yang berpendidikan menengah mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus (+230.2 ribu orang). Di samping itu, bilangan penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar meningkat 0.5 peratus (+26.6 ribu orang), diikuti oleh penduduk bekerja yang mempunyai Pendidikan rendah, menurun 1.8 peratus (-25.7 ribu orang) [Carta 2.10].

Carta 2.10:

### Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan, ST1 2026

■ Tertiari ■ Menengah ■ Rendah ■ Tiada pendidikan formal

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM


Melihat kepada penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran, kategori pekerjaan separuh mahir, yang merangkumi 56.8 peratus daripada jumlah guna tenaga meningkat 0.8 peratus (+71.8 ribu orang) tahun ke tahun, merekodkan jumlah seramai 9.49 juta orang pada ST1 2026. Kebanyakan daripada penduduk bekerja dalam kategori separuh mahir tertumpu dalam Pekerja perkhidmatan dan jualan iaitu 23.6 peratus, merangkumi 3.94 juta orang [Carta 2.11 & Jadual 2.1].

Carta 2.11:

### Taburan penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran dan pekerjaan, ST1 2026

■ Pengurus ■ Profesional ■ Juruteknik dan profesional bersekutu ■ Pekerja sokongan perkeranian ■ Pekerja perkhidmatan dan jualan  
 ■ Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan ■ Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan ■ Operator loji dan mesin serta pemasang ■ Pekerjaan asas

Peratus sumbangan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Jadual 2.1:

**Bilangan, peratus sumbangan & peratus perubahan penduduk bekerja mengikut tahap kemahiran dan pekerjaan, ST1 2026**

Tahap kemahiran	Pekerjaan	Penduduk bekerja ('000)	Peratus sumbangan kepada tahap kemahiran (%)	Peratus perubahan (%)	
				Tahunan	Suku tahunan
<b>Mahir</b>		<b>5,097.4</b>	<b>100.0</b>	<b>1.5</b>	<b>0.4</b>
	Pengurus	835.1	16.4	2.6	0.6
	Profesional	2,280.9	44.7	2.0	0.8
	Juruteknik dan profesional bersekutu	1,981.4	38.9	0.5	0.01
<b>Separuh mahir</b>		<b>9,489.2</b>	<b>100.0</b>	<b>0.8</b>	<b>0.2</b>
	Pekerja sokongan perkeranian	1,646.7	17.4	1.4	0.1
	Pekerja perkhidmatan dan jualan	3,943.1	41.6	0.5	0.3
	Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan	714.7	7.5	1.3	0.1
	Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	1,465.8	15.4	0.5	0.1
	Operator loji dan mesin serta pemasang	1,718.9	18.1	0.8	0.4
<b>Berkemahiran rendah</b>		<b>2,139.1</b>	<b>100.0</b>	<b>0.7</b>	<b>0.2</b>
	Pekerja asas	2,139.1	100.0	0.7	0.2

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Selain itu, kategori pekerjaan mahir menyumbang 30.4 peratus daripada jumlah guna tenaga. Bilangan penduduk bekerja bagi kategori ini meningkat 1.5 peratus (+74.2 ribu orang) tahun ke tahun, mencapai 5.10 juta orang pada ST1 2026. Namun begitu, penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah yang merangkumi baki sumbangan 12.8 peratus daripada jumlah guna tenaga meningkat 0.7 peratus (+15.6 ribu orang) kepada 2.14 juta penduduk bekerja. Begitu juga, perbandingan suku ke suku mendapati bahawa bilangan penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan mahir meningkat 0.4 peratus (+22.2 ribu orang) dari ST4 2025. Sementara itu, penduduk bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah masing-masing meningkat sebanyak 0.2 peratus (+22.6 ribu orang) dan 0.2 peratus (+3.8 ribu orang).

Pecahan lanjut mengikut taraf pekerjaan menunjukkan bahawa kategori pekerja, yang terdiri daripada pekerja bergaji dalam sektor awam dan swasta, merupakan segmen terbesar dalam penduduk bekerja. Kumpulan ini merangkumi 76.3 peratus daripada penduduk bekerja dan mengalami kenaikan tahun ke tahun sebanyak 0.7 peratus (+88.7 ribu orang), menyumbang kepada 12.76 juta orang pada ST1 2026. Di samping itu, kategori majikan meliputi 3.8 peratus daripada jumlah guna tenaga meningkat 1.2 peratus (+7.4 ribu orang), menjadikan jumlahnya kepada 637.8 ribu orang pada suku tahun ini.



Mereka yang bekerja sendiri meliputi pelbagai peranan, daripada pekerjaan tradisional sebagai petani, peruncit dan penjaja sehingga pekerjaan profesional seperti perunding dan bekerja bebas (*freelancers*), merangkumi 17.4 peratus atau 2.92 juta orang. Kategori ini mengekalkan pertumbuhan positif sebanyak 2.6 peratus (+72.8 ribu orang) tahun ke tahun. Sebaliknya, baki 2.4 peratus mewakili kategori pekerja keluarga tanpa gaji, kekal sama dengan menyumbang kepada 407.9 ribu orang. Berdasarkan perbandingan suku tahunan, semua kategori bagi taraf pekerjaan menunjukkan pertumbuhan positif pada ST1 2026 [Carta 2.12].

Carta 2.12:

**Taburan dan peratus perubahan penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, ST1 2026**

■ Majikan ■ Pekerja ■ Bekerja sendiri ■ Pekerja keluarga tanpa gaji

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

## 2.3 Guna Tenaga Tidak Penuh

Bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan masa merujuk kepada mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta sanggup dan boleh menerima tambahan jam bekerja. Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menunjukkan trend menurun daripada suku yang sama tahun 2025, dengan penurunan sebanyak 15.0 peratus (-21.7 ribu orang) kepada 123.3 ribu orang. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa merekodkan 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk bekerja berkurangan 0.2 mata peratus berbanding dengan suku sama tahun sebelumnya. Trend yang sama juga dapat diperhatikan secara suku tahunan apabila kumpulan ini menurun 3.6 peratus (-4.7 ribu orang) manakala kadar tersebut menurun kepada 0.7 peratus pada ST1 2026 daripada 0.8 peratus pada suku sebelumnya [Carta 2.13 & 2.14].

Carta 2.13:

### Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2023 – ST1 2026




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Carta 2.14:

### Peratus perubahan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM


Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran terdiri daripada penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar tetapi bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah. Berdasarkan ketersediaan data dari Survei Tenaga Buruh (STB), indikator ini diukur menggunakan proksi pemboleh ubah pekerjaan dan pencapaian pendidikan. Pada ST1 2026, bilangan penduduk dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran menurun 0.9 peratus (-18.2 ribu orang) tahun ke tahun, untuk merekodkan 1.93 juta orang. Walau bagaimanapun, peratus sumbangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar yang bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah terus berkurang sebanyak 0.5 mata peratus kepada 35.2 peratus.

Begitu juga, berbanding dengan ST4 2025, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran pada ST1 2026 menurun sebanyak 0.2 peratus (+4.5 ribu orang), manakala kadarnya meningkat sebanyak 0.1 mata peratus [Carta 2.15 & 2.16].

Carta 2.15:

### Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2023 – ST1 2026




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Carta 2.16:

### Peratus perubahan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM


Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

## 2.4 Pengangguran Negara

Pada ST1 2026, bilangan penganggur berkurang 3.1 peratus (-16.0 ribu orang) berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya kepada 506.5 ribu orang. Oleh itu, kadar pengangguran negara berada pada 2.9 peratus, selepas mencatatkan penurunan 0.2 mata peratus tahun ke tahun. Trend yang sama berterusan berbanding suku sebelumnya, di mana bilangan penganggur tetap menurun 0.4 peratus (-1.8 ribu orang) dan kadar pengangguran menurun 0.1 mata peratus kepada 2.9 peratus pada suku sebelumnya [Carta 2.17 & 2.18].

Carta 2.17:

### Penganggur dan kadar pengangguran, ST1 2023 – ST1 2026




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Carta 2.18:

### Peratus perubahan penganggur, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini



Pada ST1 2026, kebanyakan penganggur berada di kawasan bandar, mencatatkan sumbangan 72.0 peratus daripada jumlah penganggur, sementara kawasan luar bandar menyumbang 27.9 peratus. Berbanding tempoh yang sama tahun lalu, strata bandar dan luar bandar masing-masing menunjukkan penurunan. Bilangan penganggur di kawasan bandar menurun 3.5 peratus (-13.1 ribu orang) kepada 364.9 ribu orang, dengan kadar pengangguran pada 2.7 peratus. Di kawasan luar bandar, bilangan penganggur jatuh sebanyak 2.1 peratus (-3.0 ribu orang) kepada 141.5 ribu orang, dan kadar pengangguran pada 3.7 peratus. Secara suku ke suku, bilangan penganggur di kawasan bandar berkurang sebanyak 3.7 peratus (-14.1 ribu orang) kepada 364.9 ribu orang, manakala bilangan penganggur di kawasan luar bandar bertambah sebanyak 9.4 peratus (12.2 ribu orang) kepada 141.5 ribu orang [Carta 2.19].

Carta 2.19:

### Taburan dan peratus perubahan penganggur mengikut strata, ST1 2026

■ Bandar ■ Luar bandar

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (ribu)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM


Penganggur lelaki merangkumi lebih separuh (59.6 peratus) daripada jumlah pengangguran berbanding 40.4 peratus penganggur perempuan. Penurunan tahun ke tahun bagi pengangguran pada ST1 2026 disumbangkan oleh kedua-dua jantina, di mana bilangan penganggur lelaki turun 3.6 peratus (-11.2 ribu orang) berbanding suku yang sama pada tahun 2025, merekodkan seramai 301.7 ribu orang. Sementara itu, penganggur perempuan berkurang 2.4 peratus tahun ke tahun (-5.0 ribu orang) kepada 204.7 ribu orang. Perbandingan secara suku ke suku, pengangguran lelaki kekal sama iaitu sebanyak 2.8 peratus dan pengangguran perempuan juga menunjukkan nilai peratusan yang kekal sama iaitu 3.2 peratus berbanding suku sebelumnya [Carta 2.20].

Carta 2.20:

### Taburan dan peratus perubahan penganggur mengikut jantina, ST1 2026

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (ribu)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Penganggur sebahagian besarnya tertumpu dalam kumpulan umur belia 15 hingga 24 tahun, meliputi sumbangan sebanyak 55.3 peratus atau bersamaan 279.9 ribu orang pada ST1 2026, diikuti 25.4 peratus atau 128.4 ribu orang dalam kumpulan umur 25 hingga 34 tahun. Gabungan kedua-dua kategori ini meliputi lebih daripada 80 peratus pengangguran dalam kumpulan umur muda. Sementara itu, penganggur berumur 55 hingga 64 tahun merekodkan sumbangan paling rendah sebanyak 3.7 peratus atau 18.9 ribu orang pada suku tahun tersebut.



Perbandingan dengan suku tahun yang sama tahun sebelumnya, dua kumpulan umur mencatatkan penurunan dari segi bilangan penganggur secara tahunan. Penurunan yang paling ketara dicatatkan dalam kumpulan umur 55 hingga 64 tahun yang menurun sebanyak 62.6 peratus (-31.6 ribu orang), diikuti dengan penurunan sebanyak 15.7 peratus (-6.0 ribu orang) dalam kumpulan umur 45 hingga 54 tahun pada ST1 2026. Dalam tempoh yang sama, kumpulan umur yang lebih muda iaitu 15 hingga 24 tahun, 25 hingga 34 tahun dan 35 hingga 44 tahun masing-masing menunjukkan peningkatan dalam bilangan penganggur, yang meningkat sebanyak 1.6 peratus (+4.3 ribu orang), 8.7 (+10.3 ribu orang) dan 17.2 peratus (+6.9 ribu orang). Sementara itu, perbandingan suku tahunan menunjukkan kenaikan bilangan penganggur dilihat dalam kumpulan umur 15 hingga 24, 25 hingga 34 tahun dan 35 hingga 44 tahun, manakala dua kumpulan umur lain mencatatkan penurunan suku ke suku [Carta 2.21].

Carta 2.21:

### Taburan dan peratus perubahan penganggur mengikut kumpulan umur, ST1 2026

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Walaupun bilangan penganggur lelaki lebih ramai berbanding perempuan, kadar pengangguran bagi perempuan adalah lebih tinggi daripada lelaki. Pada ST1 2026, kadar pengangguran perempuan adalah 3.2 peratus, 0.4 mata peratus lebih tinggi daripada lelaki iaitu pada kadar 2.8 peratus. Kedua-dua mencatatkan kadar yang lebih rendah berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya, di mana kadar pengangguran lelaki jatuh 0.1 mata peratus manakala kadar pengangguran perempuan juga turun 0.1 mata peratus. Berbanding suku sebelumnya, kadar pengangguran bagi lelaki dan perempuan masing-masing kekal pada 2.8 peratus dan 3.2 peratus.

Merentasi semua kumpulan umur, kadar pengangguran pada ST1 2026 bagi mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun adalah kekal sama pada 9.8 peratus. Kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan 35 hingga 44 tahun menunjukkan peningkatan berbanding suku yang sama tahun 2025, masing-masing mencatatkan kadar 2.4 peratus dan 1.0 peratus. Kadar pengangguran bagi mereka yang berumur 45 hingga 54 tahun dan 55 hingga 64 tahun menunjukkan penurunan dengan masing-masing mencatatkan pada kadar 1.1 peratus dan 1.3 peratus pada suku tahun ini [Carta 2.22].

Carta 2.22:

### Kadar pengangguran mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2023 – ST1 2026




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Secara keseluruhan, penganggur aktif adalah sekitar 79 peratus daripada jumlah penganggur di Malaysia. Pada ST1 2026, sumbangannya adalah sebanyak 79.8 peratus yang bersamaan 404.0 ribu orang. Kategori ini mengalami penurunan 4.2 peratus (-17.6 ribu orang) berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan penganggur tidak aktif merekodkan peningkatan 1.5 peratus (+1.5 ribu orang) kepada 102.5 ribu orang [Carta 2.23].

Carta 2.23:

### Taburan dan peratus perubahan penganggur aktif dan tidak aktif, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini



Bagi tempoh menganggur, lebih separuh daripada penganggur aktif menganggur kurang daripada tiga bulan, dengan sumbangan 67.1 peratus atau bersamaan 271.2 ribu orang. Sementara itu, mereka yang menganggur jangka panjang atau menganggur lebih daripada setahun merangkumi 3.6 peratus atau 14.4 ribu orang pada ST1 2026. Secara keseluruhan, bilangan penganggur aktif mengikut tempoh pengangguran mencatatkan penurunan tahunan kecuali bagi kategori yang menganggur kurang daripada 3 bulan. Bagi perbandingan suku tahunan, semua kategori penganggur aktif menunjukkan penurunan kecuali bagi kategori yang menganggur di antara 3 hingga kurang dari 6 bulan menunjukkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus berbanding suku sebelumnya [Carta 2.24].

Carta 2.24:

### Taburan dan peratus perubahan penganggur aktif mengikut tempoh menganggur, ST1 2026

■ Kurang dari 3 bulan    
 ■ 3 hingga kurang dari 6 bulan    
 ■ 6 hingga kurang dari 12 bulan    
 ■ Lebih dari 1 tahun

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (ribu)]




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

## 2.5 Luar Tenaga Buruh

Bilangan penduduk luar tenaga buruh pada ST1 2026 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus (+28.9 ribu orang) kepada 7.08 juta orang berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Secara suku tahunan, bilangan penduduk luar tenaga buruh juga meningkat sebanyak 0.2 peratus (+17.5 ribu orang) berbanding suku sebelumnya [Carta 2.25].

Carta 2.25:

### Luar tenaga buruh, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Nota: <sup>r</sup> Statistik Tenaga Buruh Suku Tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini


Pada ST1 2026, majoriti penduduk luar tenaga buruh terdiri daripada perempuan merangkumi 69.4 peratus atau 4.91 juta orang, manakala lelaki menyumbang 30.6 peratus atau 2.16 juta orang. Berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, bilangan lelaki luar tenaga buruh meningkat sebanyak 1.1 peratus (+22.6 ribu orang), manakala perempuan mencatatkan pertambahan sebanyak 0.1 peratus (+6.2 ribu orang). Corak yang sama diperhatikan bagi perubahan suku tahunan, di mana bilangan lelaki meningkat sebanyak 1.5 peratus (+32.5 ribu orang), manakala bilangan perempuan menunjukkan penurunan sebanyak 0.3 peratus (-15.0 ribu orang) pada ST1 2026 [Carta 2.26].

Carta 2.26:


### Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut jantina, ST1 2026

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)  
Tahunan Suku tahunan



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Melihat kepada taburan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur pada ST1 2026, hampir separuh adalah belia berumur 15 hingga 24 tahun, kategori ini merangkumi 42.9 peratus atau bersamaan 3.04 juta orang. Umumnya, kumpulan ini sebahagian boleh dikaitkan dengan mereka yang belum menamatkan pengajian atau sedang menjalani program latihan. Satu lagi sumbangan besar yang signifikan iaitu 20.8 peratus atau 1.47 juta orang adalah dalam kumpulan umur 55 hingga 64 tahun yang berada di luar tenaga buruh disebabkan oleh persaraan atau usia tua.



Semua kumpulan umur mencatatkan penurunan tahun ke tahun dalam bilangan luar tenaga buruh pada ST1 2026, kecuali mereka berumur 35 hingga 44 dan 55 hingga 64 tahun, yang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 9.0 peratus (+76.0 ribu orang) dan 3.7 peratus (+52.5 ribu orang). Tiga kumpulan umur mencatatkan penurunan tahun ke tahun dalam bilangan luar tenaga buruh, dengan penurunan tertinggi direkodkan oleh kumpulan umur 45 hingga 54 tahun sebanyak 8.2 peratus (-75.1 ribu orang). Kumpulan umur 25 hingga 34 tahun mencatatkan penurunan sebanyak 2.4 peratus (-19.9 ribu orang), diikuti kumpulan umur 15 hingga 24 tahun juga mencatatkan penurunan kecil sebanyak 0.2 peratus (-4.6 ribu orang). Namun begitu, secara suku tahunan, penurunan bilangan luar tenaga buruh direkodkan dalam kalangan kumpulan umur 15 hingga 24 tahun, 25 hingga 34 tahun dan 35 hingga 44 tahun. Sebaliknya, dua kumpulan umur lain mencatatkan pertumbuhan positif dari suku ke suku [Carta 2.27].

Carta 2.27:

### Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur, ST1 2026

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Analisis lanjut mengikut kumpulan umur menunjukkan corak yang berbeza antara luar tenaga buruh bagi lelaki dan perempuan. Sesuatu yang menarik untuk diperhatikan bahawa belia berumur 15 hingga 24 tahun merangkumi lebih separuh (68.1 peratus) daripada luar tenaga buruh lelaki pada ST1 2026, diikuti oleh 22.5 peratus dalam kumpulan umur lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun. Hal ini berkemungkinan kerana kemasukan lelaki ke dalam pasaran pekerjaan lebih lewat disebabkan faktor pendidikan, manakala kebanyakan mereka yang keluar dari pasaran pekerjaan adalah disebabkan persaraan.


Begitu juga, kumpulan umur belia mempunyai komposisi yang tinggi bagi luar tenaga buruh perempuan iaitu 31.8 peratus, diikuti dengan kumpulan umur yang lebih tua 55 hingga 64 tahun (20.0 peratus). Namun begitu, gabungan peratus sumbangan kedua-duanya, iaitu 51.8 peratus adalah jauh lebih rendah berbanding sumbangan lelaki dalam kumpulan umur yang sama (90.7 peratus). Hal ini mendorong kepada peratus sumbangan yang ketara bagi luar tenaga buruh perempuan merentasi kumpulan umur lain, iaitu antara 14.7 peratus hingga 17.8 peratus, justeru menunjukkan bahawa perempuan lebih cenderung untuk keluar daripada pasaran pekerjaan lebih awal berbanding lelaki [**Carta 2.28**].

**Carta 2.28:**

**Taburan luar tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur, ST1 2026**

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)









**Sumber:** Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Dalam kalangan luar tenaga buruh, komposisi terbesar, iaitu sebanyak 45.1 peratus adalah mereka yang tidak mencari pekerjaan pada ST1 2026 disebabkan oleh kerja rumah atau tanggungjawab keluarga. Bilangan dalam kategori ini menyaksikan peningkatan 1.1 peratus tahun ke tahun (+33.9 ribu orang) merekodkan 3.20 juta orang. Satu lagi kumpulan yang menyumbang peratus yang agak ketara iaitu 40.1 peratus atau bersamaan 2.84 juta orang luar tenaga buruh disebabkan oleh masih bersekolah atau masih dalam program latihan. Berbanding suku yang sama pada tahun 2025, bilangan dalam kategori ini menurun 1.1 peratus (-30.1 ribu orang).

Selain itu, sumbangan sebanyak 1.8 peratus luar tenaga buruh yang tidak mencari kerja kerana mereka akan melanjutkan pelajaran meningkat 12.7 peratus tahun ke tahun (+14.4 ribu orang) kepada 128.1 ribu orang, menunjukkan kumpulan ini berpotensi menyertai tenaga buruh apabila menamatkan pengajian atau program latihan mereka. Peratus terendah sebab tidak mencari kerja adalah disebabkan tidak berminat atau baru tamat pengajian, yang menyumbang 1.2 peratus atau 81.7 ribu orang pada ST1 2026 [**Paparan 2.1**].

Paparan 2.1:

**Taburan dan peratus perubahan luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari kerja, ST1 2026**

	ST1 2026 Orang ('000) (Peratus sumbangan)	Peratus perubahan (tahun ke tahun)	
		Peratus perubahan (tahun ke tahun)	Peratus perubahan (suku ke suku)
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga 	3,194.1 (45.1%)	▲ 2.2%	▲ 1.0%
Bersekolah/ program latihan 	2,835.7 (40.1%)	▼ -0.4%	▼ -1.8%
Bersara/ lanjut usia 	605.5 (8.6%)	▼ -9.2%	▼ -2.9%
Kurang upaya 	230.4 (3.3%)	▲ 3.6%	▲ 8.4%
Melanjutkan pelajaran 	128.1 (1.8%)	▲ 11.8%	▲ 37.8%
Tidak berminat/ baru tamat pengajian 	81.7 (1.2%)	▲ 14.0%	▼ -13.4%

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2026, DOSM


## 2.6 Tenaga Buruh Mengikut Negeri

Tenaga buruh di peringkat negeri pada ST1 2026 menunjukkan lima negeri mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi daripada 70.9 peratus yang direkodkan di peringkat nasional, iaitu W.P. Putrajaya (79.2 peratus), Selangor (78.0 peratus), W.P. Kuala Lumpur (76.0 peratus), Pulau Pinang (71.8 peratus) dan Johor (71.6 peratus).

Jika dibandingkan dengan suku yang sama pada tahun sebelumnya, terdapat tiga negeri yang mencatatkan peratus penurunan tertinggi dalam KPTB iaitu Negeri Sembilan, Kedah, dan Melaka yang masing-masing mencatatkan penurunan pada kadar 0.6 peratus, 0.6 peratus dan 0.5 peratus. Pada ST1 2026, negeri Selangor mencatatkan peningkatan tahunan tertinggi dalam KPTB, iaitu meningkat sebanyak 0.6 mata peratus kepada 78.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, negeri-negeri lain merekodkan peningkatan antara 0.04 hingga 0.6 mata peratus. Trend ini menunjukkan peningkatan penyertaan penduduk umur bekerja di negeri masing-masing dalam tenaga buruh, sama ada yang sedang bekerja atau sedang mencari pekerjaan. [Carta 2.29].

Carta 2.29:

### Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri, ST1 2026




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Pada ST1 2026, jumlah guna tenaga di Malaysia berkembang sebanyak 1.0 peratus. Peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja sepanjang suku ini menyumbang kepada pertumbuhan tahunan positif yang dicatatkan oleh semua negeri. Selangor yang merangkumi 24.2 peratus daripada jumlah guna tenaga mencatatkan peningkatan paling ketara dalam bilangan penduduk bekerja sebanyak 1.7 peratus (+67.1 ribu orang) kepada 4.05 juta orang. Ini diikuti oleh Johor dengan sumbangan sebanyak 12.8 peratus atau 2.13 juta penduduk bekerja selepas peningkatan tahunan sebanyak 1.9 peratus (+39.3 ribu orang) [Carta 2.30].

Carta 2.30:

### Guna tenaga mengikut negeri, ST1 2026



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

Manakala pengangguran mengikut negeri pada ST1 2026, kadar pengangguran terendah dicatatkan di W.P. Putrajaya pada kadar 1.3 peratus. Negeri lain yang mencatatkan kadar pengangguran di bawah dua peratus pada suku tahunan tersebut adalah Pahang yang mencatatkan 1.9 peratus. Selain daripada dua negeri ini, enam negeri lain mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah daripada kadar nasional (2.9 peratus), dengan julat antara 2.0 peratus hingga 2.7 peratus. Sementara itu, dalam kalangan lapan negeri yang mencatatkan kadar pengangguran melebihi 2.9 peratus, Sabah terus merekodkan kadar tertinggi pada 5.5 peratus walaupun merekodkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 0.5 mata peratus dalam suku tahun tersebut.

Tujuh negeri mencatatkan penurunan dalam bilangan penganggur berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Negeri Sembilan merekodkan pengurangan paling ketara, menurun sebanyak 13.0 peratus (-2.1 ribu orang) kepada 14.0 ribu orang. Walaupun terdapat penurunan keseluruhan dalam pengangguran, sembilan negeri mengalami peningkatan dalam bilangan penganggur berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Terengganu, yang meningkat sebanyak 12.5 peratus (+1.8 ribu orang) kepada 16.2 ribu orang, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur yang mencatatkan peningkatan sebanyak 12.2 peratus (+4.5 ribu orang) kepada 40.9 ribu orang penganggur pada ST1 2026 [Jadual 2.2].

Jadual 2.2:

### Pengangguran mengikut negeri, ST1 2026

Negeri	Kadar pengangguran		Penganggur		
	Peratus (%)	Perbezaan mata peratus tahunan (%)	Orang ('000)	Peratus perubahan tahunan (%)	Perbezaan tahunan ('000)
Sabah	5.5	-0.5	103.4	-8.7	-9.8
W.P. Labuan	5.1	-0.5	2.4	-7.7	-0.2
Kelantan	4.1	0.0	30.4	1.0	0.3
Perak	3.4	0.1	42.4	5.2	2.1
W.P.Kuala Lumpur	3.4	0.4	40.9	12.4	4.5
Sarawak	3.4	0.1	42.3	0.5	0.2
Terengganu	3.2	0.3	16.2	12.5	1.8
Perlis	3.0	-0.3	4.2	-6.7	-0.3
<b>Malaysia</b>	<b>2.9</b>	<b>-0.2</b>	<b>506.5</b>	<b>-3.1</b>	<b>-16.1</b>
Pulau Pinang	2.7	0.1	25.5	3.7	0.9
Negeri Sembilan	2.4	-0.4	14.0	-13.0	-2.1
Kedah	2.4	0.0	24.1	-1.2	-0.3
Johor	2.4	-0.2	52.1	-7.1	-4.0
Melaka	2.0	0.2	10.6	9.3	0.9
Selangor	2.0	-0.3	82.4	-11.9	-11.1
Pahang	1.9	0.1	14.8	7.2	1.0
W.P. Putrajaya	1.3	0.0	0.8	0.0	0.0


Sumber: Laporan Tenaga Buruh, ST1 2026, DOSM

### 3.1 Jawatan Dalam Sektor Ekonomi

Pada ST1 2026, permintaan buruh terus menunjukkan pertumbuhan yang stabil, dengan bilangan jawatan dalam sektor ekonomi kekal tidak berubah sebanyak 1.8 peratus (+162.4 ribu) berbanding tahun sebelumnya untuk mencatatkan sejumlah 9.23 juta jawatan. Secara perbandingan suku tahunan, bilangan jawatan meningkat sederhana sebanyak 0.1 peratus (+12.3 ribu), menunjukkan kestabilan dalam pertumbuhan permintaan buruh sepanjang suku tersebut [Carta 3.1].

Carta 3.1:

#### Bilangan dan peratus perubahan jawatan, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Pada ST1 2026, jawatan diisi meningkat sebanyak 1.8 peratus (+161.6 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 9.03 juta jawatan diisi. Jumlah ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus (+15.6 ribu) secara suku tahunan berbanding suku sebelumnya

Dari segi peluang pekerjaan dalam ekonomi, bilangan kekosongan jawatan meningkat secara marginal 0.4 peratus (+0.8 ribu) berbanding tahun sebelumnya, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 194.8 ribu pada ST1 2026. Selain itu, kekosongan jawatan menurun sebanyak 1.7 peratus (-3.3 ribu) berbanding suku sebelumnya.

Kadar jawatan diisi mencatat 97.9 peratus pada ST1 2026 berbanding suku tahun sebelumnya. Kadar kekosongan kepada jumlah pekerjaan meningkat sebanyak 2.1 peratus [Carta 3.2].

Carta 3.2:

### Bilangan, peratus perubahan dan kadar jawatan diisi & kekosongan, ST1 2023 – ST1 2026




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Analisis lebih terperinci mengikut sektor ekonomi menunjukkan bahawa pertumbuhan tahunan positif didorong oleh peningkatan bilangan jawatan dan jawatan diisi dalam semua sektor kecuali jawatan diisi bagi sektor Perlobongan & pengkuarian. Pertumbuhan positif dalam permintaan buruh ini digambarkan melalui peningkatan bilangan kekosongan dalam semua sektor kecuali sektor Pembinaan dan Perkhidmatan [Carta 3.3].

Carta 3.3:

### Peratus perubahan tahunan jawatan, jawatan diisi & kekosongan mengikut sektor ekonomi, ST4 2025 & ST1 2026



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Pada ST1 2026, sebahagian besar jawatan tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 52.5 peratus atau 4.84 juta jawatan, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 2.6 peratus (+124.9 ribu). Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan jawatan dalam semua subsektor, terutama subsektor Perdagangan borong & runcit yang meningkat sebanyak 3.3 peratus (+58.8 ribu). Dalam sektor Perkhidmatan, lebih 70 peratus jawatan tertumpu di tiga subsektor utama iaitu Perdagangan borong & runcit (37.6%), Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan (19.8%), dan Makanan & minuman dan penginapan (17.4%).

Daripada jumlah jawatan dalam sektor Perkhidmatan, jawatan diisi merangkumi 53.3 peratus atau bersamaan 4.82 juta jawatan diisi dengan peningkatan tahunan sebanyak 1.8 peratus (+161.6 ribu) pada ST1 2026. Semua subsektor mencatatkan kadar melebihi 99.0 peratus, dengan subsektor Makanan & minuman dan penginapan mencatatkan kadar tertinggi (99.8%), manakala subsektor Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan mencatatkan kadar terendah (99.8%). Kekosongan jawatan dalam sektor Perkhidmatan merangkumi 12.6 peratus daripada jumlah jawatan dalam sektor Perkhidmatan atau 24.6 ribu kekosongan, mencatatkan penurunan sebanyak 2.2 peratus (-0.6 ribu) berbanding suku yang sama tahun lalu. Sebahagian besar kekosongan jawatan didapati dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (39.5%) dan Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan (36.8%).

Sementara itu, jawatan dalam sektor Pembuatan, yang meliputi 27.3 peratus atau 2.52 juta jawatan, berada di kedudukan kedua selepas sektor Perkhidmatan. Sektor ini mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 1.2 peratus (+29.4 ribu) pada ST1 2026, dengan pertumbuhan positif dalam semua subsektor kecuali Produk petroleum, kimia, getah & plastik. Pertambahan jawatan tertinggi dalam sektor Pembuatan berlaku dalam subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka dengan kenaikan 2.5 peratus (+9.6 ribu) tahunan. Selain itu, jawatan dalam sektor Pembuatan kebanyakannya tertumpu dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (26.1%), diikuti Produk petroleum, kimia, getah & plastik (18.0%), dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (15.7%). Ketiga-tiga subsektor menyumbang hampir dua pertiga daripada jawatan dalam sektor Pembuatan.


Kadar jawatan diisi dalam sektor Pembuatan mencatatkan 95.5 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Pada tempoh yang sama, bilangan ini meningkat sebanyak 1.2 peratus (+27.6 ribu) untuk mencatat 2.41 juta jawatan diisi. Subsektor Produk tekstil, pakaian & kulit mencatatkan kadar jawatan diisi tertinggi pada 96.6 peratus, manakala subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal menyumbang mencatat kadar terendah sebanyak 94.7 peratus. Jawatan kosong dalam sektor Pembuatan mencatatkan sebanyak 113.0 ribu, merangkumi 4.5 peratus daripada jumlah jawatan dalam sektor Pembuatan. Bilangan kekosongan dalam sektor ini meningkat sebanyak 1.6 peratus (+1.8 ribu), dengan peningkatan dalam semua subsektor kecuali Produk tekstil, pakaian & kulit. Sebahagian besar daripada kekosongan jawatan tertumpu dalam dua subsektor, iaitu Produk elektrik, elektronik & optikal (30.9%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (16.8%).

Jawatan dalam sektor Pembinaan merangkumi 13.9 peratus daripada bilangan jawatan pada ST1 2026, meningkat sebanyak 0.5 peratus (+6.5 ribu) kepada 1.28 juta jawatan berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Kadar jawatan diisi dalam sektor ini adalah 98.1 peratus, manakala kadar kekosongan adalah 1.9 peratus pada suku tahun tersebut. Selain itu, jawatan dalam sektor Pertanian menyumbang 5.4 peratus atau 502.5 ribu jawatan dan sektor Perlombongan & pengkuarian mencatat sumbangan terendah sebanyak 0.9 peratus atau bersamaan 80.4 ribu jawatan. Sektor ini masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus (+2.0 ribu), manakala sektor Perlombongan & pengkuarian menurun sebanyak 0.5 peratus (-0.4 ribu) berbanding ST1 2026. Sektor Perlombongan & pengkuarian secara konsisten mencatat kadar jawatan diisi kedua tertinggi pada 99.3 peratus, menunjukkan bilangan kekosongan kedua terendah pada suku tahun tersebut. Sebaliknya, sektor Pertanian mencatat kadar jawatan diisi sebanyak 93.6 peratus, menunjukkan kadar kekosongan tertinggi sebanyak 6.4 peratus pada ST1 2026 [Carta 3.4].

Carta 3.4:

**Peratus sumbangan jawatan, jawatan diisi & kekosongan dan kadar jawatan diisi & kekosongan mengikut sektor ekonomi, ST1 2026**

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Berdasarkan permintaan buruh mengikut tahap kemahiran pada ST1 2026, jumlah jawatan dalam semua kategori kemahiran meningkat berbanding tahun sebelumnya. Fenomena yang sama turut berlaku pada bilangan jawatan diisi, menunjukkan kenaikan dalam semua kategori, kecuali kategori kemahiran separuh mahir [Carta 3.5].

Carta 3.5:

**Peratus perubahan tahunan jawatan, jawatan diisi & kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST4 2025 & ST1 2026**



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Majoriti jawatan dalam sektor ekonomi berada dalam kategori separuh mahir, merangkumi 62.1 peratus atau bersamaan dengan 5.73 juta jawatan pada ST1 2026. Lima pekerjaan dalam kategori ini terdiri daripada Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan dan jualan; Pekerja mahir pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan; Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan Operator mesin dan loji. Berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, jawatan dalam kategori ini meningkat sebanyak 1.3 peratus (+71.8 ribu). Oleh itu, kadar jawatan diisi bagi kategori separuh mahir adalah 98.1 peratus, melibatkan 5.62 juta jawatan diisi, dengan peningkatan tahunan sebanyak 1.3 peratus (+73.1 ribu). Pada tempoh yang sama, bilangan kekosongan jawatan dalam kategori ini menurun 1.2 peratus (-1.3 ribu), dengan jumlah keseluruhan 107.9 ribu kekosongan dan kadar kekosongan sebanyak 1.9 peratus.


Jawatan mahir pula merangkumi sumbangan sebanyak 25.3 peratus pada ST1 2026, melibatkan tiga kategori pekerjaan, iaitu Pengurus; Profesional; dan Juruteknik dan profesional bersekutu. Bilangan jawatan mahir meningkat sebanyak 2.6 peratus (+58.2 ribu) secara tahunan kepada 2.33 juta jawatan pada suku tersebut. Sehubungan itu, bilangan jawatan diisi dalam kategori mahir meningkat sebanyak 2.6 peratus (+56.8 ribu) kepada 2.28 juta jawatan diisi. Walau bagaimanapun, kekosongan jawatan mahir juga turut meningkat sebanyak 2.8 peratus (+1.3 ribu), mencatatkan sebanyak 48.7 ribu kekosongan. Kadar jawatan diisi dalam kategori mahir adalah 97.9 peratus, manakala kadar kekosongan adalah 2.1 peratus.

Namun begitu, baki 12.6 peratus jawatan berada dalam kategori berkemahiran rendah, yang meningkat sebanyak 2.9 peratus (+32.4 ribu) kepada 1.16 juta jawatan. Selari dengan itu, bilangan jawatan diisi berkemahiran rendah meningkat sebanyak 2.9 peratus (+31.7 ribu) kepada 1.13 juta, merekodkan kadar jawatan diisi sebanyak 96.7 peratus pada ST1 2026. Tambahan pula, kekosongan jawatan berkemahiran rendah meningkat sebanyak 2.0 peratus (+0.7 ribu) kepada 38.2 ribu, mencatatkan kadar kekosongan sebanyak 3.3 peratus [Carta 3.6].

Carta 3.6:

### Peratus sumbangan jawatan, jawatan diisi & kekosongan dan kadar jawatan diisi & kekosongan mengikut tahap kemahiran, ST1 2026

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM

## 3.2 Pewujudan Jawatan

Pada ST1 2026, bilangan pewujudan jawatan dalam sektor ekonomi menurun sebanyak 1.5 peratus (-0.5 ribu) tahun ke tahun berbanding 2.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Jumlah keseluruhan jawatan yang diwujudkan adalah sebanyak 32.7 ribu. Sementara itu, bilangan ini mencatatkan peningkatan suku tahunan sebanyak 1.8 peratus (0.6 ribu) daripada 32.1 ribu pada ST4 2025 [Carta 3.7].

Carta 3.7:

### Bilangan dan peratus perubahan pewujudan jawatan, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM

Pewujudan jawatan sebahagian besarnya adalah dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 48.6 peratus atau bersamaan dengan 15.9 ribu jawatan, mencatatkan penurunan 0.3 peratus (-0.05 ribu) pada ST1 2026. Dalam sektor ini, subsektor Perdagangan borong & runcit memainkan peranan penting dengan menyumbang 9.3 ribu pewujudan jawatan, diikuti subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan dengan 2.6 ribu jawatan.

Sektor Pembuatan di kedudukan kedua dengan sumbangan 36.5 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST1 2026, menurun 1.5 peratus (-0.2 ribu) mencatatkan 11.9 ribu pewujudan jawatan. Gabungan sumbangan dua subsektor yang meliputi lebih separuh daripada pewujudan jawatan dalam sektor Pembuatan adalah subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (30.3%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (26.9%).


Di samping itu, terdapat penurunan 0.4 peratus tahunan dalam pewujudan jawatan bagi sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan 0.2 ribu pewujudan jawatan. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian merangkumi 4.3 peratus pewujudan jawatan pada suku tahun ini, bersamaan dengan 1.4 ribu jawatan, mencatatkan kenaikan 6.6 peratus (+0.1 ribu) berbanding suku sama tahun sebelumnya. Pada tempoh yang sama, sektor Pembinaan yang menyumbang 9.9 peratus mencatatkan penurunan ketara 9.8 peratus (-0.3 ribu) [Carta 3.8].

Carta 3.8:


**Taburan dan peratus perubahan pewujudan jawatan mengikut sektor ekonomi, ST1 2026**

■ Pertanian ■ Perlombongan & pengkuarian ■ Pembuatan ■ Pembinaan ■ Perkhidmatan

**Peratus sumbangan (%)  
[Jawatan (ribu)]**



**Peratus perubahan (%)**



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM


Melihat kepada pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, lebih separuh atau 64.1 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST1 2026 tertumpu dalam kategori separuh mahir, yang menyumbang 21.0 ribu jawatan. Dari segi perubahan tahunan, bilangan pewujudan jawatan dalam kategori ini meningkat 0.8 peratus (+0.2 ribu). Kategori mahir berada di kedudukan kedua dengan komposisi hampir satu pertiga (26.1%) daripada jumlah pewujudan jawatan, mencatatkan penurunan tahunan sebanyak 4.2 peratus (-0.4 ribu) kepada 8.6 ribu pewujudan jawatan. Sementara itu, pewujudan jawatan dalam kategori berkemahiran rendah yang menyumbang 9.7 peratus daripada keseluruhan pewujudan jawatan, menurun sebanyak 8.6 peratus (-0.3 ribu) untuk mencatatkan 3.2 ribu jawatan pada ST1 2026 [Carta 3.9].

Carta 3.9:


**Taburan dan peratus perubahan pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, ST1 2026**

■ Mahir ■ Separuh mahir ■ Berkemahiran rendah

**Peratus sumbangan (%)  
[Orang (ribu)]**



**Peratus perubahan (%)**




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST1 2026, DOSM

## 4.1 Produktiviti Buruh Per Jam Bekerja

Pada ST1 2026, ekonomi Malaysia terus berkembang 5.4 peratus tahun ke tahun berbanding 4.4 peratus pada suku yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ekonomi ini disertai dengan peningkatan dalam jumlah jam bekerja, meningkat sebanyak 0.5 peratus kepada 9.63 bilion jam. Perbandingan secara suku tahunan, jumlah jam bekerja kekal pada 0.2 peratus berbanding dengan ST4 2025 [Carta 4.1].

Carta 4.1:

### Jumlah jam bekerja, ST1 2023 – ST1 2026



Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2026, DOSM


Nota: \* Statistik Produktiviti Buruh suku tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran Statistik Tenaga Buruh terkini

Di Malaysia, sektor Perkhidmatan menyumbang hampir dua pertiga atau 62.8 peratus daripada jumlah jam bekerja, menjadikannya penyumbang utama kepada ekonomi negara. Manakala sumbangan kedua tertinggi bagi jumlah jam bekerja adalah di sektor Pembuatan yang merangkumi 17.5 peratus, diikuti oleh sektor Pertanian dengan sumbangan 10.4 peratus pada ST1 2026. Pada suku yang sama, sektor Pembinaan menyumbang 8.8 peratus, dan sektor Perlombongan & pengkuarian meliputi 0.5 peratus daripada jumlah jam bekerja.

Sektor Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun bagi jumlah jam bekerja manakala sektor lain mencatatkan pertumbuhan negatif pada ST1 2026. Sektor Perkhidmatan merekodkan peningkatan tertinggi dalam jumlah jam bekerja, meningkat sebanyak 1.0 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, dengan kenaikan tertinggi dicatatkan dalam subsektor Maklumat & komunikasi (4.1%), diikuti oleh subsektor Pengangkutan & penyimpanan (2.7%). Sementara itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembuatan menyumbang peningkatan kecil sebanyak 0.1 peratus tahun ke tahun pada suku yang sama. Namun begitu, sektor Pertanian dan Pembinaan menunjukkan momentum negatif, masing-masing menurun sebanyak 0.9 dan 0.1 peratus pada ST1 2026 [Carta 4.2].

Carta 4.2:

**Peratus perubahan tahunan jumlah jam bekerja mengikut sektor ekonomi, ST4 2025 & ST1 2026**




Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2026, DOSM

Secara keseluruhannya, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai tambah per jam bekerja meningkat 4.8 peratus pada ST1 2026 selepas mencatatkan peningkatan 5.8 peratus pada suku tahun sebelumnya, membawa nilai produktiviti kepada RM45.5 per jam [Carta 4.3].

Carta 4.3:

**Produktiviti buruh per jam bekerja, ST1 2023 – ST1 2026**



Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: \* Statistik Produktiviti Buruh suku tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran Statistik Tenaga Buruh terkini

Melihat kepada produktiviti buruh per jam bekerja mengikut sektor ekonomi pada ST1 2026, semua sektor menunjukkan pertumbuhan tahunan positif, kecuali sektor Perlombongan & pengkuarian. Sementara itu, sektor Pembinaan meningkat paling tinggi dengan 7.8 peratus dalam produktiviti buruh per jam bekerja berbanding suku sebelumnya.

Pada suku tahun yang sama, sektor Pembuatan mencatatkan kenaikan 5.8 peratus dalam produktiviti buruh per jam bekerja. Kebanyakan subsektor mencatatkan pertumbuhan, kecuali Produk tekstil, pakaian & kulit (-1.1%) dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan (-4.8%). Produktiviti buruh per jam bekerja dalam sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 4.5 peratus tahun ke tahun pada ST1 2026, dengan pertumbuhan tertinggi dicatatkan dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (8.2%) dan subsektor Hartanah & perkhidmatan perniagaan (5.9%) [Jadual 4.1].

Jadual 4.1:

**Peratus perubahan tahunan produktiviti buruh per jam bekerja, nilai ditambah & jumlah jam bekerja, ST1 2026**

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh per jam bekerja	Nilai ditambah	Jumlah jam bekerja
<b>Pertanian</b>	<b>3.6</b>	<b>2.6</b>	<b>-0.9</b>
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	<b>-2.4</b>	<b>-2.1</b>	<b>0.3</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>5.8</b>	<b>5.9</b>	<b>0.1</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	8.8	9.2	0.3
Minuman & produk tembakau	6.3	7.0	0.7
Produk tekstil, pakaian & kulit	-1.1	0.8	2.0
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	3.0	3.9	0.9
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	2.2	-1.3	-3.4
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	5.5	5.0	-0.5
Produk elektrik, elektronik & optikal	11.9	12.8	0.8
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	-4.8	-1.9	3.0
<b>Pembinaan</b>	<b>7.8</b>	<b>7.7</b>	<b>-0.1</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>4.5</b>	<b>5.6</b>	<b>1.0</b>
Utiliti	2.4	4.2	1.7
Perdagangan borong & runcit	3.6	4.8	1.2
Makanan & minuman dan penginapan	8.2	8.0	-0.2
Pengangkutan & penyimpanan	5.7	8.5	2.7
Maklumat & komunikasi	3.9	8.1	4.1
Kewangan & insurans	-0.8	0.3	1.0
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	5.9	6.8	0.8
Perkhidmatan lain	5.2	6.2	1.0
<b>Jumlah</b>	<b>4.8</b>	<b>5.4</b>	<b>0.5</b>

Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2026, DOSM


## 4.2 Produktiviti Buruh Per Pekerja

Dengan situasi pasaran buruh Malaysia yang terus bertambah baik pada ST1 2026, guna tenaga meningkat sebanyak 1.0 peratus tahun ke tahun untuk mencatatkan jumlah 16.73 juta orang. Dari segi suku tahunan, guna tenaga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.3 peratus, berbanding suku sebelumnya [Carta 4.4].

Carta 4.4:

### Guna tenaga, ST1 2023 – ST1 2026

■ Guna tenaga ■ Tahun ke tahun (%) ◆ Suku ke suku (%)



Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: \* Statistik Produktiviti Buruh suku tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran Statistik Tenaga Buruh terkini


Pada ST1 2026, guna tenaga berkembang dalam semua sektor ekonomi, dengan pertumbuhan tertinggi khususnya dalam sektor Perkhidmatan. Guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 1.4 peratus untuk mencapai bilangan seramai 10.52 juta orang, dengan setiap subsektor menunjukkan pertumbuhan berbanding suku sama tahun sebelumnya. Peningkatan yang paling ketara dilihat dalam subsektor Makanan & minuman dan Penginapan (2.5%), diikuti oleh Utiliti (2.0%), serta Hartanah dan perkhidmatan perniagaan (2.0%).

Dalam sektor Pembuatan, guna tenaga meningkat sebanyak 0.1 peratus pada ST1 2026 untuk merekodkan 2.84 juta orang. Semua subsektor mencatatkan pertumbuhan, kecuali subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik menurun sebanyak 2.8 peratus pada ST1 2026. Peningkatan terbesar dapat diperhatikan dalam subsektor Peralatan pengangkutan, pembuatan dan pembaikan lain (1.5%), diikuti oleh subsektor Minuman & produk tembakau (1.2%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (1.1%).

Selain itu, guna tenaga dalam sektor Pertanian mencatatkan 1.88 juta orang pada ST1 2026 kekal sama dengan suku tahun yang sama pada tahun sebelumnya. Sementara itu, sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing merekodkan pertumbuhan guna tenaga sebanyak 0.7 peratus dan 0.4 peratus [Carta 4.5].

Carta 4.5:

**Peratus perubahan tahunan guna tenaga mengikut sektor ekonomi, ST4 2025 & ST1 2026**




Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2026, DOSM

Produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja terus meningkat 4.3 peratus untuk mencapai RM 26,171 seorang pada ST1 2026 [Carta 4.6].

Carta 4.6:

**Produktiviti buruh per pekerja, ST1 2023 – ST1 2026**



Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2026, DOSM

Nota: \* Statistik Produktiviti Buruh suku tahunan bermula suku tahun pertama 2024 telah disemak semula berdasarkan anggaran Statistik Tenaga Buruh terkini

Mengikut sektor ekonomi, produktiviti buruh per pekerja dalam sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 4.1 peratus pada ST1 2026, disokong oleh prestasi positif dalam kalangan kebanyakan subsektor. Walau bagaimanapun, penyusutan dapat diperhatikan dalam subsektor Kewangan & insurans (-1.3%).

Pada masa yang sama, produktiviti buruh per pekerja dalam sektor Pembuatan meningkat sebanyak 5.8 peratus tahun ke tahun pada ST1 2026, mengekalkan kadar pertumbuhan yang sama seperti yang dicatatkan pada suku sebelumnya. Antara pertumbuhan tertinggi dalam sektor ini dicatatkan oleh subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (12.1%) dan Minyak & lemak sayuran dan haiwan serta pemprosesan makanan (8.8%).

Sektor Pertanian mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 2.5 peratus dalam produktiviti buruh per pekerja. Sektor Pembinaan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 7.0 peratus, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian menurun sebanyak 2.5 peratus pada ST1 2026 [Jadual 4.2].

Jadual 4.2:

**Peratus perubahan tahunan produktiviti buruh per pekerja, nilai ditambah & guna tenaga, ST1 2026**

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh per pekerja	Nilai ditambah	Guna tenaga
<b>Pertanian</b>	<b>2.5</b>	<b>2.6</b>	<b>0.1</b>
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	<b>-2.5</b>	<b>-2.1</b>	<b>0.4</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>5.8</b>	<b>5.9</b>	<b>0.1</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	8.8	9.2	0.3
Minuman & produk tembakau	5.7	7.0	1.2
Produk tekstil, pakaian & kulit	0.7	0.8	0.2
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	2.8	3.9	1.1
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	1.6	-1.3	-2.8
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	4.8	5.0	0.2
Produk elektrik, elektronik & optikal	12.1	12.8	0.6
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	-3.4	-1.9	1.5
<b>Pembinaan</b>	<b>7.0</b>	<b>7.7</b>	<b>0.7</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>4.1</b>	<b>5.6</b>	<b>1.4</b>
Utiliti	2.1	4.2	2.0
Perdagangan borong & runcit	3.5	4.8	1.3
Makanan & minuman dan penginapan	5.4	8.0	2.5
Pengangkutan & penyimpanan	7.2	8.5	1.2
Maklumat & komunikasi	6.2	8.1	1.8
Kewangan & insurans	-1.3	0.3	1.6
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	4.7	6.8	2.0
Perkhidmatan lain	5.5	6.2	0.6
<b>Jumlah</b>	<b>4.3</b>	<b>5.4</b>	<b>1.0</b>


Sumber: Produktiviti Buruh, ST1 2026, DOSM

## 5.1 Median upah bulanan pekerja formal

Jumlah bilangan pekerja formal warganegara berjumlah 7.08 juta orang pada Disember 2025, meningkat sebanyak 3.6 peratus (+249.1 ribu orang) berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya berdasarkan Statistik Upah Pekerja yang disusun menggunakan sumber data pentadbiran. Bilangan ini merangkumi 66.1 peratus daripada jumlah pekerja bergaji warganegara dalam kedua-dua sektor swasta dan awam [Carta 5.1].

Carta 5.1:

### Pekerja formal warganegara, Oktober 2024 – Disember 2025




Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2025, DOSM

Pada Disember 2025, median upah bulanan bagi pekerja formal warganegara adalah RM 3,167, mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 4.0 peratus pada bulan tersebut (November 2025: RM 2,882; Oktober 2025: RM 2,882) [Carta 5.2].

Carta 5.2:

### Median upah bulanan, Oktober 2024 – Disember 2025




Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2025, DOSM

Dari segi pecahan mengikut jantina, median upah bulanan bagi lelaki meningkat 4.0 peratus tahun ke tahun kepada RM3,167, mewakili 55.1 peratus (3.90 juta orang) daripada keseluruhan pekerja formal warganegara pada Disember 2025. Sementara itu, perempuan merangkumi 44.9 peratus daripada keseluruhan pekerja formal warganegara, mencatatkan peningkatan 4.0 peratus bagi median upah bulanan kepada RM3,120.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, median upah bulanan bagi lelaki menunjukkan trend peningkatan, daripada RM2,900 pada Oktober dan November kepada RM3,167 pada Disember. Median upah bulanan bagi pekerja perempuan turut mencatatkan peningkatan secara beransur, daripada RM2,811 pada Oktober kepada RM2,827 pada November dan seterusnya RM3,120 pada Disember. Pekerja lelaki secara konsisten memperoleh gaji median yang lebih tinggi berbanding pekerja perempuan [Carta 5.3].

Carta 5.3:

### Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut jantina, Disember 2025




Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2025, DOSM

Dari segi kumpulan umur, pekerja formal warganegara berumur antara 45 dan 49 tahun merekodkan median upah bulanan tertinggi, iaitu RM4,245 pada Disember 2025, merangkumi 9.0 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara. Sebaliknya, kumpulan umur bawah 20 tahun mencatatkan median upah bulanan paling rendah dengan RM1,700. Trend ini selari dengan bulan-bulan sebelumnya, menunjukkan taburan upah bagi pekerja formal dipengaruhi oleh kumpulan umur yang berkait rapat dengan tahap pendidikan dan juga pengalaman bekerja.

Pada Disember 2025, median upah bulanan pekerja formal warganegara bagi semua kumpulan umur mencatatkan pertumbuhan positif. Peningkatan paling ketara dapat diperhatikan dalam kalangan pekerja berumur bawah 20 tahun yang mencatatkan peningkatan sebanyak 11.3 peratus [Carta 5.4].

Carta 5.4:

### Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut kumpulan umur, Disember 2025



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2025, DOSM

Dari segi aktiviti ekonomi, median upah bulanan menunjukkan pertumbuhan positif bagi kesemua lima sektor utama pada Disember 2025 berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Sektor Perlombongan & pengkuarian terus merekodkan median tertinggi pada RM7,900, yang mencatatkan peningkatan 5.3 peratus berbanding Disember 2024 walaupun hanya menyumbang 0.5 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara.

Sementara itu, sektor Pembuatan merekodkan median upah bulanan sebanyak RM3,422 pada bulan yang sama, meningkat 3.7 peratus tahun ke tahun. Dalam sektor Pembinaan, median upah bulanan meningkat 4.2 peratus tahun ke tahun kepada RM3,127 pada Disember 2025.

Median bulanan bagi sektor Perkhidmatan adalah RM3,120 dengan peningkatan 4.0 peratus. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara, pekerja formal warganegara dalam sektor ini menyumbang lebih daripada dua per tiga (68.1% atau 4.82 juta orang) pekerja formal. Dalam sektor ini juga, Kewangan & Insurans mencatatkan gaji median tertinggi sebanyak RM7,000, diikuti oleh Maklumat & Komunikasi sebanyak RM5,700 dan subsektor Utiliti sebanyak RM3,500. Sebaliknya, subsektor Makanan & minuman dan penginapan mencatatkan yang terendah iaitu sebanyak RM2,046. Sektor Pertanian mencatatkan gaji median bulanan terendah sebanyak RM2,564, namun, sektor ini menyaksikan peningkatan sebanyak 7.6 peratus dalam gaji median berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya [Jadual 5.1].

Jadual 5.1:

**Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan dan peratus sumbangan pekerja formal warganegara mengikut aktiviti ekonomi, Disember 2025**

Aktiviti ekonomi	Median (RM)	Peratus perubahan (Tahun ke tahun, %)	Peratus sumbangan (%)
<b>Pertanian</b>	<b>2,564</b>	<b>7.6</b>	<b>1.8</b>
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	<b>7,900</b>	<b>5.3</b>	<b>0.5</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>3,422</b>	<b>3.7</b>	<b>17.6</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	2,682	7.3	2.6
Minuman & produk tembakau	4,246	-0.8	0.2
Produk tekstil, pakaian & kulit	2,246	0.8	0.4
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	2,764	3.8	1.3
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	3,600	5.6	2.8
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	3,027	1.5	2.2
Produk elektrik, elektronik & optikal	4,164	1.6	4.9
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	3,364	5.1	3.4
<b>Pembinaan</b>	<b>3,127</b>	<b>4.2</b>	<b>6.3</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>3,120</b>	<b>4.0</b>	<b>68.1</b>
Utiliti	3,500	10.6	1.1
Perdagangan borong & runcit	2,546	1.8	20.9
Makanan & minuman dan penginapan	2,046	2.3	4.5
Pengangkutan & penyimpanan	3,273	3.4	4.3
Maklumat & komunikasi	5,700	1.8	3.2
Kewangan & insurans	7,000	7.7	4.6
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	3,200	5.1	12.3
Perkhidmatan lain	3,000	3.4	17.2
<b>Tidak dikelaskan</b>			<b>5.7</b>


Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2025, DOSM

Berdasarkan upah pekerja formal warganegara di peringkat negeri pada Disember 2025, tiga negeri melebihi median upah bulanan peringkat nasional iaitu RM3,167. Negeri dengan median upah bulanan tertinggi adalah W.P Kuala Lumpur mendahului dengan RM4,391, diikuti Pulau Pinang sebanyak RM3,500 dan Selangor sebanyak RM3,400.

Sebaliknya, Perlis dan Kelantan merekodkan median upah bulanan terendah pada Disember 2025 dengan masing-masing sebanyak RM1,864 dan RM1,800. Ini diikuti oleh Kedah dan Sabah yang merekodkan median upah masing-masing sebanyak RM2,164 dan RM2,045 [Carta 5.5].

Carta 5.5:

**Median & peratus perubahan tahunan upah bulanan mengikut negeri, Disember 2025**



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2025, DOSM


## 5.2 Taburan upah bulanan

Pada Disember 2025, taburan upah menunjukkan seramai 1.9 juta orang atau 26.6 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara memperoleh upah bulanan di bawah RM2,000. Kumpulan ini berkurang 5.8 peratus (-116.0 ribu) berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya, manakala sumbangannya berkurang 2.6 mata peratus daripada 29.2 peratus pada Disember 2024.

Pada tempoh yang sama, hanya 8.4 peratus pekerja formal warganegara menerima upah bulanan dibawa gaji minimum RM1,700. Sementara itu, kira-kira 12.0 peratus pekerja formal warganegara memperoleh gaji bulanan tertinggi sebanyak RM10,000 dan ke atas pada Disember 2025 [Carta 5.6].

Carta 5.6:

### Taburan upah bulanan bagi pekerja formal warganegara mengikut skala upah, Disember 2024 & Disember 2025



	Skala upah (RM)																					
Dis-25	1.8	1.2	2.0	3.4	18.2	11.9	8.9	8.0	6.2	5.0	3.6	3.5	2.6	2.5	1.9	1.7	1.4	1.5	1.1	1.0	0.8	12.0
Dis-24	2.0	1.5	3.6	13.9	8.3	11.1	8.5	8.1	5.8	4.9	3.5	3.3	2.5	2.4	1.8	1.7	1.3	1.5	1.0	1.0	0.8	11.5


Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2025, DOSM

Nota:\* Merujuk kepada gaji wajar (Bank Negara Malaysia, 2017), yang diselaraskan dengan kadar inflasi

Berdasarkan analisis persentil, persentil ke-10 pekerja formal warganegara menerima upah bulanan RM1,700 atau kurang. Kumpulan ini mengalami peningkatan 13.3 peratus pada Disember 2025 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Persentil ke-90 upah bulanan pekerja formal meningkat 3.0 peratus tahun-ke-tahun mencecah RM11,122 sebulan. Oleh itu, nisbah upah antara kumpulan penerima upah tertinggi (persentil ke-90) dan kumpulan penerima upah terendah (persentil ke-10) menjelaskan bahawa kumpulan penerima upah tertinggi menerima upah bulanan lebih daripada 6.5 kali ganda berbanding dengan kumpulan penerima upah paling rendah [Carta 5.7].

Carta 5.7:

**Taburan upah bulanan bagi pekerja formal warganegara mengikut persentil, Disember 2024 & Disember 2025**



Sumber: Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST4 2025, DOSM

Perkembangan pesat industri pusat data dan infrastruktur digital kini semakin diiktiraf sebagai pemacu strategik kepada transformasi ekonomi global. Laporan oleh World Bank dan United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) menegaskan bahawa pusat data, pengkomputeran awan (cloud computing), kecerdasan buatan (AI) dan data raya (big data) kini berfungsi sebagai infrastruktur kritikal yang menyokong produktiviti, inovasi dan daya saing ekonomi digital. Transformasi ini amat signifikan khususnya bagi negara membangun yang sedang beralih kepada ekonomi berasaskan teknologi dan data<sup>4</sup>.

Di peringkat ASEAN, pertumbuhan ekonomi digital yang pesat, peningkatan penggunaan AI serta perluasan perkhidmatan digital merentas sempadan telah meningkatkan permintaan terhadap infrastruktur digital berskala besar, khususnya pusat data. ASEAN kini muncul sebagai antara hab pertumbuhan utama ekonomi digital global, sekali gus menarik pelaburan asing dalam sektor teknologi, semikonduktor dan perkhidmatan digital serta mewujudkan permintaan tinggi terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi<sup>5</sup>.

Selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), hala tuju ekonomi Malaysia kini memberi penekanan kepada pembangunan industri berteknologi tinggi, ekonomi digital, automasi dan kecerdasan buatan (AI). RMK-13 menekankan peningkatan produktiviti, pembangunan ekonomi berasaskan inovasi serta pengukuhan ekosistem pekerjaan berpendapatan tinggi<sup>6</sup>. Hala tuju ini diperkukuh melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang menekankan transformasi industri berasaskan digitalisasi, automasi, AI serta pembangunan rantai nilai berteknologi tinggi<sup>7</sup>.

Dalam konteks ini, Malaysia semakin muncul sebagai antara hab pusat data utama di ASEAN, khususnya di Johor dan Lembah Klang, disokong oleh kelebihan strategik, kos operasi kompetitif, kestabilan infrastruktur serta dasar pelaburan mesra teknologi. Menurut laporan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), lebih RM152.9 bilion pelaburan telah diluluskan dalam subsektor ICT termasuk pusat data, AI dan pengkomputeran awan. Sektor ini turut diperkukuh melalui strategi pelaburan MITI–MIDA yang memberi fokus kepada industri digital berimpak tinggi dan penciptaan pekerjaan bernilai tambah<sup>8</sup>.

<sup>4</sup>World Bank – *Digital Infrastructure and Cloud Economy*. <https://www.worldbank.org/en/topic/digitaldevelopment>

<sup>5</sup>UNCTAD (2025) – *Digital Economy Report*. <https://unctad.org/publication/digital-economy-report>

<sup>6</sup>Kementerian Digital – *RMK-13 Digital Economy Direction*. <https://www.digital.gov.my>

<sup>7</sup>MITI – *Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)*. <https://www.miti.gov.my> / <https://www.nimp2030.gov.my>

<sup>8</sup>MIDA – *Investment Performance Report 2026 (ICT, AI, Data Centres)*. <https://www.mida.gov.my>

Dari perspektif pasaran buruh, perkembangan industri pusat data memberi kesan yang signifikan melalui pewujudan pelbagai jenis pekerjaan merangkumi operasi, teknikal dan sokongan. Ini termasuk peranan seperti jurutera rangkaian, pakar keselamatan siber, jurutera pengkomputeran awan, pentadbir sistem serta juruteknik operasi pusat data yang memastikan kelancaran dan kestabilan infrastruktur digital beroperasi secara berterusan.

Pada masa yang sama, pembangunan dan operasi pusat data turut merangsang permintaan terhadap tenaga kerja dalam sektor berkaitan seperti pembinaan fasiliti, kejuruteraan elektrik dan mekanikal, sistem penyejukan, serta infrastruktur tenaga. Kesan ini turut meliputi perkhidmatan sokongan seperti pengurusan fasiliti, keselamatan fizikal, logistik, serta penglibatan vendor teknologi dan pembekal perkakasan yang menjadi sebahagian daripada ekosistem industri ini.

Secara keseluruhannya, perkembangan industri pusat data ini bukan sahaja memperluas peluang pekerjaan, malah meningkatkan permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi serta memperkukuh rantai nilai ekonomi digital negara melalui kesan pengganda yang lebih meluas. Perubahan ini mencerminkan peralihan struktur pasaran buruh Malaysia daripada model pekerjaan tradisional kepada *skills-based economy* yang lebih fleksibel, digital dan berimpak tinggi. Dalam konteks ini, ekonomi gig juga berkembang kepada platform profesional berasaskan kepakaran teknologi seperti *cloud engineering*, keselamatan siber (*cyber security*) dan pembangunan AI.

Seiring dengan transformasi ini, pembangunan modal insan menjadi faktor kritikal. Inisiatif Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi untuk ekonomi digital. Transformasi ini disokong oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), yang memperkukuh latihan berasaskan keperluan industri seperti pusat data, rangkaian digital dan sistem teknologi moden<sup>9</sup>.

Secara keseluruhannya, industri pusat data dijangka menjadi enabler utama transformasi pasaran buruh Malaysia pada tahun 2026. Impaknya bukan sahaja meningkatkan penciptaan pekerjaan langsung dan rantai bekalan, tetapi juga mempercepat pertumbuhan *high-skilled gig economy* dan ekosistem TVET digital, selaras dengan RMK-13, NIMP 2030 serta strategi pelaburan MITI–MIDA ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, inklusif dan berdaya saing global.

---

<sup>9</sup>Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), KESUMA Malaysia – *TVET Development*  
<https://www.dsd.gov.my>

## 7 Kesimpulan

Pada ST1 2026, pasaran buruh Malaysia kekal kukuh dan stabil, disokong oleh peningkatan guna tenaga, pengurangan bilangan penganggur dan kadar penyertaan tenaga buruh yang kekal stabil. Dari sudut permintaan buruh, jawatan diisi dan kekosongan jawatan yang wujud menggambarkan keperluan tenaga kerja yang berterusan dalam sektor ekonomi. Pada masa yang sama, produktiviti buruh mencatatkan peningkatan dari segi nilai ditambah bagi setiap pekerja dan setiap jam bekerja berbanding suku tahun yang sama pada tahun sebelumnya, sekali gus mencerminkan kecekapan tenaga kerja yang semakin tinggi. Perkembangan ini juga mencerminkan keseimbangan yang baik antara penawaran dan permintaan buruh dalam ekonomi.

Ekonomi Malaysia terus mencatat prestasi memberangsangkan pada suku tahun pertama apabila Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 5.4 peratus. Momentum pertumbuhan ini mencerminkan ketahanan ekonomi negara yang kekal utuh walaupun berdepan tekanan daripada krisis geopolitik yang berlarutan sejak Februari. Prestasi tersebut merupakan peningkatan yang jelas berbanding pertumbuhan 4.4 peratus yang direkodkan pada tempoh sama tahun sebelumnya, sekali gus meletakkan Malaysia mengatasi beberapa ekonomi serantau seperti Singapura dan China. Walaupun berdepan tekanan geopolitik luar, perkembangan KDNK ini turut memberi kesan positif kepada pasaran buruh Malaysia apabila pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh berjaya merangsang permintaan tenaga buruh, meningkatkan peluang pekerjaan serta menyokong pertambahan guna tenaga.

Konflik Asia Barat yang berpanjangan telah mendorong kenaikan harga minyak mentah dunia melebihi 40 peratus sehingga melepasi paras AS\$100 setong, sekali gus meningkatkan risiko gangguan bekalan minyak global dan memberi tekanan kepada kos ekonomi domestik. Dalam menghadapi situasi ini, kekuatan ekonomi negara membolehkan kerajaan mengekalkan harga RON95 bersubsidi pada RM1.99 seliter menerusi inisiatif BUDI MADANI RON95 (BUDI95) bagi melindungi rakyat, manakala harga bahan api lain diselaraskan secara berperingkat sejajar dengan peningkatan harga global. Pada masa yang sama, bantuan BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi turut dipertingkatkan kepada RM300 sebulan mulai Mac 2026, di samping kawalan penjualan bahan api diperketat bagi mengurangkan ketirisan subsidi dan memastikan manfaatnya terus dinikmati kumpulan sasar. Langkah-langkah ini bukan sahaja membantu meredakan tekanan kos sara hidup isi rumah, malah turut mengurangkan beban kos operasi firma, khususnya dalam sektor yang bergantung tinggi kepada bahan api seperti pengangkutan, logistik, pertanian dan pembuatan. Secara tidak langsung, intervensi ini menyokong kestabilan pasaran buruh Malaysia dengan membantu mengekalkan permintaan tenaga buruh, mengurangkan risiko pengurangan pengambilan pekerja baharu serta memastikan pendapatan dan daya beli pekerja kekal terpelihara dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar.

Kadar inflasi Malaysia meningkat kepada 1.7 peratus pada Mac 2026 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) naik kepada 136.4 mata daripada 134.1 mata pada Mac 2025. Peningkatan inflasi ini berpotensi menghakis kuasa beli pekerja, terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang lebih terdedah kepada kenaikan kos pengangkutan harian. Keadaan ini boleh menjejaskan pendapatan sebenar pekerja serta mengehendkan keupayaan perbelanjaan isi rumah, yang akhirnya memberi implikasi terhadap tahap produktiviti dan kesejahteraan tenaga buruh.

Dalam masa yang sama, peningkatan kos operasi yang ditanggung oleh firma, khususnya kos logistik dan input berkaitan, boleh mengehendkan keupayaan majikan untuk melaksanakan pelarasan gaji atau memperluas pengambilan pekerja baharu. Kesan ini dijangka lebih ketara dalam sektor yang sensitif terhadap perubahan kos input, sekali gus berpotensi memperlahankan momentum pertumbuhan pasaran buruh.

Kesimpulannya, walaupun situasi semasa pasaran buruh Malaysia kekal stabil dan berdaya tahan, disokong oleh pertumbuhan ekonomi domestik, pihak Kerajaan perlu memastikan keseimbangan antara kestabilan harga, mengekalkan kuasa beli pengguna serta kemampanan ekonomi. Pada masa yang sama, usaha berterusan perlu dipergiat untuk meningkatkan produktiviti, memperkukuh pembangunan kemahiran serta memastikan pertumbuhan pasaran buruh yang lebih inklusif dan mampan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi semasa.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**  
*This page is deliberately left blank*

## Melangkaui Pengangguran: Analisis Struktur NEET Belia di Malaysia

Nur Qistinna Israrr Ahmad<sup>1</sup>, Farah Syahida Fauzi<sup>1</sup>,

<sup>1</sup>Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

### Pengenalan

Golongan belia amat penting bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi, namun peralihan daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan pada masa kini menjadi semakin rumit. Bagi memantau cabaran ini, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menggunakan kadar NEET (Tidak dalam Pekerjaan, Pendidikan, atau Latihan). Berbeza dengan metrik pengangguran tradisional, kerangka kerja NEET memberi gambaran yang lebih luas mengenai ketidaklibatan belia dengan mengambil kira individu yang telah keluar sepenuhnya daripada tenaga buruh. Menyedari kerentanan ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menyepadukan usaha mengurangkan kadar NEET ke dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 8, khususnya Sasaran 8.6. Walau bagaimanapun, kemajuan di peringkat global masih perlahan: ILO menganggarkan sekitar 262 million golongan muda berusia 15 hingga 24 tahun; iaitu satu daripada empat orang secara global diklasifikasikan sebagai NEET, dengan negara berpendapatan rendah berdepan lonjakan ketidaklibatan pasca-pandemik (ILO, 2024).

Trend global ini mencerminkan tekanan struktural yang serius dalam ekonomi domestik Malaysia, di mana penunjuk nasional berbeza secara mendadak daripada statistik belia. Pada tahun 2024, ketika kadar pengangguran nasional berada pada paras stabil iaitu 3.2 peratus, kadar pengangguran belia (berumur 15–24 tahun) pula melonjak tinggi secara tidak seimbang pada paras 10.3 peratus. Kekangan struktural ini diburukkan lagi oleh ketidakpadanan kemahiran yang berterusan; statistik rasmi menunjukkan bahawa 32.2 peratus siswazah yang bekerja berada dalam kategori guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran disebabkan oleh faktor penempatan dalam pekerjaan separuh mahir atau berkemahiran rendah. Tempoh ketidakaktifan dan guna tenaga tidak penuh yang berpanjangan ini mewujudkan “kesan parut” (scarring effect) kekal yang mengurangkan pendapatan sepanjang hayat serta meningkatkan risiko pengangguran struktural pada masa hadapan (Mühlbock et al., 2022).

### Kajian Literatur

Konsep NEET mula diperkenalkan di United Kingdom pada akhir 1980-an susulan reformasi dalam dasar kebajikan belia (Furlong, 2006). Sejak itu, NEET telah menjadi penunjuk yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi memantau tahap pengasingan atau ketidaklibatan belia (Hutchinson et al., 2016). Sementara itu, kerangka antarabangsa lazimnya memberi tumpuan kepada individu berumur 15 hingga 24 tahun, kebanyakan dasar di peringkat nasional memperluas had umur tersebut kepada 29 atau 30 tahun bagi mencerminkan tempoh peralihan ke alam pekerjaan yang lebih berpanjangan (Maguire, 2015).

Fenomena NEET berkait rapat dengan ketidaktentuan pasaran buruh, ketidaksamaan struktur, serta keciciran daripada sistem persekolahan (Abu Hassan et al., 2023; Pimentel et al., 2025). Kajian empirikal secara konsisten menunjukkan bahawa pencapaian pendidikan yang lebih rendah meningkatkan risiko NEET akibat kebolehpasaran awal yang lebih lemah, manakala pendidikan yang lebih tinggi pula memudahkan integrasi ke dalam pasaran kerja serta mobiliti geografi yang lebih baik (*European Agency*, 2016; Morris, 2023; Weiss et al., 2021). Selain itu, ketidaksamaan jantina turut diperhatikan secara meluas di peringkat global, dengan golongan wanita muda lebih terdedah kepada status NEET berikutan peranan penjagaan serta norma sosial yang telah lama terbentuk (Avagianou et al., 2022; Brzinsky-Fay, 2021; Odoardi et al., 2022). Walaupun kajian NEET telah mencapai tahap perkembangan yang tinggi di ekonomi maju Asia Timur (Elder, 2015), bukti empirikal yang komprehensif bagi menganalisis interaksi antara sistem pendidikan, perubahan demografi dan halangan struktur dalam konteks Malaysia masih terhad (Harun et al., 2020).

### Metodologi dan Sumber Data

Analisis ini menggunakan data mikro daripada Survei Tenaga Buruh (LFS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kadar NEET belia dikira untuk dua kohort umur yang berbeza: kohort antarabangsa standard (berumur 15–24 tahun) dan kohort belia kebangsaan (berumur 15–30 tahun) di bawah Akta Persatuan Belia dan Pembangunan Belia Malaysia (Pindaan) 2019. Mengikut piawai ILO, NEET Belia merujuk kepada individu yang pada masa yang sama tidak bekerja (menganggur atau tidak aktif) dan tidak mengambil bahagian dalam pendidikan atau latihan formal atau bukan formal dalam tempoh rujukan empat minggu (ILO, 2013).

Kadar NEET Belia seterusnya dikira sebagai nisbah individu ini kepada jumlah populasi belia, dinyatakan sebagai:

$$\text{Kadar NEET (\%)} = \frac{\text{Populasi Belia} - (\text{Belia Bekerja} + \text{Belia dalam Pendidikan/Latihan})}{\text{Penduduk Belia}} \times 100$$

Komposisi kumpulan ini dikategorikan mengikut hubungan mereka dengan pasaran buruh seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1**, di mana NEET penganggur secara aktif mencari pekerjaan, manakala NEET tidak aktif berada di luar pasaran buruh disebabkan faktor seperti putus asa, masalah kesihatan atau ketidakupayaan, serta tanggungjawab keluarga.

Rajah 1 :

## Komposisi Penunjuk NEET Belia



Sumber: Bardak, U., Maseda, MR, & Rosso, F. (2015)


## Dapatan kajian

Di peringkat antarabangsa, penunjuk Belia Tidak dalam Pekerjaan, Pendidikan atau Latihan (NEET) mengukur peratusan belia yang tidak terlibat dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan, yang dinyatakan sebagai peratusan daripada jumlah populasi belia. Belia ditakrifkan sebagai individu berumur 15 hingga 24 tahun. Penunjuk ini menyediakan ukuran yang standard bagi menilai tahap pengasingan belia serta membolehkan perbandingan antara negara.

Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), purata global bagi kadar NEET belia berada pada paras 19.9 peratus pada tahun 2024. Sebagai perbandingan, kadar NEET belia di Malaysia (berumur 15–24 tahun) adalah jauh lebih rendah iaitu pada 8.7 peratus, sekali gus meletakkan negara pada kedudukan yang baik dalam kalangan negara ASEAN-5 (Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand). Khususnya, kadar Malaysia kekal berada di bawah purata negara-negara ASEAN-5 iaitu sebanyak 12.4 peratus; kadarnya adalah lebih rendah berbanding Indonesia (20.3%), Filipina (13.9%), dan Thailand (12.8%), namun kekal lebih tinggi berbanding Singapura (6.4%). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun Malaysia telah mencatat kemajuan dalam mengintegrasikan belia ke dalam sistem pendidikan dan pekerjaan, masih terdapat sebahagian yang berdepan cabaran seperti ketidaksepadanan kemahiran, ketidaksamaan akses kepada peluang, serta kesukaran dalam peralihan daripada alam persekolahan ke pasaran buruh [Carta 1].

Carta 1 :

### Kadar NEET Belia, Negara ASEAN-5, 2024 (%)




**Sumber:** Data Bank Dunia; Pengiraan Pengarang berdasarkan data Survei Tenaga Buruh Malaysia, DOSM; Badan Pusat Statistik (BPS - Statistics Indonesia); *Philippine Statistics Authorities*.

Pasaran buruh Malaysia menunjukkan ketidaksamaan jantina, khususnya apabila diteliti melalui kadar Belia Tidak dalam Pekerjaan, Pendidikan atau Latihan (NEET). Seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 2**, kadar penyertaan tenaga buruh (LFPR) dan nisbah guna tenaga kepada penduduk bagi lelaki secara konsisten lebih tinggi berbanding wanita merentas semua kumpulan umur, sekali gus memperlihatkan wujudnya jurang struktur dalam pasaran buruh yang turut memuncak dalam kalangan belia tidak aktif. Kedua-dua jantina mencatatkan nisbah guna tenaga yang lebih rendah dalam kumpulan umur 15 hingga 24 tahun (49.7% bagi lelaki; 33.7% bagi wanita) berikutan proses peralihan daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan. Walau bagaimanapun, selepas fasa pendidikan ini berakhir, laluan golongan wanita muda menunjukkan perbezaan yang lebih negatif berbanding lelaki, sekali gus meningkatkan risiko ketidakaktifan ekonomi jangka panjang yang lebih tinggi.

Perbezaan ini jelas dapat diperhatikan melalui penunjuk NEET, di mana isu pengangguran belia beralih daripada isu struktur umum kepada ketidakseimbangan yang dipacu secara ketara oleh faktor jantina. Dalam kumpulan umur muda 15 hingga 24 tahun, jurang kadar NEET antara jantina adalah agak kecil, dengan wanita mencatatkan 9.6 peratus berbanding lelaki 7.9 peratus. Walau bagaimanapun, bagi kumpulan umur yang lebih luas iaitu 15 hingga 30 tahun, kadar NEET lelaki menurun sedikit kepada 7.5 peratus, manakala kadar NEET wanita meningkat dengan ketara kepada 14.4 peratus. Perbezaan ini menunjukkan bahawa ketidaksamaan jantina semakin melebar apabila usia belia meningkat. Jurang yang semakin luas ini mencerminkan kecenderungan ketidaklibatan jangka panjang golongan wanita muda daripada pendidikan dan penyertaan aktif dalam tenaga buruh, yang sebahagian besarnya berkait rapat dengan kekangan struktur.

Carta 2 :

**Penunjuk Pasaran Buruh Utama di Malaysia, 2024 (%)**



Sumber: Pengiraan pengarang berdasarkan data Survei Tenaga Buruh, DOSM


Nota: 15-64 tahun merujuk kepada umur bekerja yang digunakan dalam Survei Tenaga Buruh, DOSM

Corak perkembangan belia Malaysia berumur 15 hingga 30 tahun digambarkan dalam **Carta 3**, yang memperincikan perubahan perkadaran individu dalam pendidikan, pekerjaan, pengangguran, serta mereka yang berada di luar tenaga buruh. Pada peringkat awal belia, khususnya antara umur 15 hingga 17 tahun, majoriti besar lelaki dan wanita masih berada dalam sistem persekolahan, sekali gus menyebabkan penglibatan awal dalam pasaran buruh adalah rendah. Perbezaan ketara mula berlaku sebaik sahaja selepas umur 18 tahun, iaitu tempoh lazim penamatan pendidikan menengah. Golongan lelaki muda didapati memasuki pasaran buruh dengan lebih pantas, dengan bahagian guna tenaga meningkat dengan ketara antara umur 18 hingga 21 tahun. Dalam tempoh peralihan selepas tamat persekolahan ini, lelaki menunjukkan peningkatan sementara dalam pengangguran aktif yang mencerminkan realiti friksional semasa proses awal pencarian pekerjaan. Sebaliknya, golongan wanita muda keluar daripada sistem pendidikan formal secara lebih beransur-ansur, dengan sebahagian yang lebih besar kekal dalam pengajian di peringkat tertiar pada lewat remaja dan awal 20-an.

Perbezaan struktur yang paling ketara berlaku apabila belia memasuki lingkungan lewat 20-an, sekali gus mengubah pemacu asas fenomena NEET. Bagi golongan lelaki muda, bahagian guna tenaga meningkat secara berterusan sehingga mendominasi hampir keseluruhan kumpulan umur menjelang umur 30 tahun, manakala penglibatan di luar tenaga buruh menurun kepada tahap yang sangat rendah. Bagi golongan wanita muda, halatuju adalah berbeza secara asasnya; walaupun guna tenaga meningkat seiring penamatan pendidikan tertiar, perkadaran individu yang diklasifikasikan sebagai di luar tenaga buruh meningkat dengan ketara. Menjelang umur 25 tahun, bahagian wanita yang tidak aktif secara ekonomi melebihi 20 peratus, dan menjelang umur 30 tahun, ia meningkat kepada sekitar 40 peratus daripada keseluruhan kohort wanita.

Trend visual ini menunjukkan bahawa pengecualian ekonomi dalam kalangan wanita di Malaysia bukan merupakan isu pengangguran konvensional, memandangkan komponen pengangguran aktif bagi wanita kekal agak kecil dan stabil merentas semua kumpulan umur. Sebaliknya, kadar NEET dalam kalangan wanita yang tinggi dipacu oleh peralihan secara struktur kepada status tidak aktif dalam tenaga buruh. Apabila golongan wanita muda memasuki lingkungan lewat 20-an, iaitu fasa kitaran hayat yang lazimnya selari dengan perkahwinan dan pembinaan keluarga, mereka didapati berundur daripada pasaran buruh pada kadar yang lebih tinggi. Corak ini memperlihatkan wujudnya kekangan institusi dan sosial yang ketara, seperti akses terhadap kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak atau pengaturan kerja yang tidak fleksibel, yang mengakibatkan ketidaklibatan yang progresif dan berpanjangan wanita muda yang rentan daripada penyertaan dalam ekonomi produktif.

**Carta 3:**  
**Status Kitaran Hayat Belia Malaysia Mengikut Umur dan Jantina, 2024 (%)**




**Sumber:** Pengiraan pengarang berdasarkan data Survei Tenaga Buruh, DOSM

**Nota:** Luar tenaga buruh termasuk mereka yang tidak mencari kerja kerana tanggungjawab keluarga, kerja rumah atau ketidakupayaan.

Analisis pencapaian pendidikan menunjukkan satu paradoks struktur yang menarik. Pendidikan menengah kekal sebagai tahap kelayakan utama dalam kalangan belia Malaysia, khususnya bagi lelaki (62.5% lelaki berumur 15–30 tahun berhenti pada peringkat pendidikan menengah berbanding 52.4% wanita), mencerminkan kemasukan awal golongan lelaki ke dalam pasaran buruh. Sebaliknya, golongan wanita mencatatkan kelebihan yang ketara dalam pendidikan tinggi, dengan 40.6 peratus wanita dalam kohort 15 hingga 30 tahun memiliki kelayakan tertiar berbanding hanya 27.0 peratus lelaki **[Carta 4]**.

Carta 4:

### Komposisi Belia Malaysia mengikut Pencapaian Pendidikan, 2024 (%)




Sumber: Pengiraan pengarang berdasarkan data Survei Tenaga Buruh, DOSM

Walaupun peningkatan kemahiran berfungsi sebagai penampan yang berkesan terhadap risiko menjadi NEET, namun kesannya adalah berbeza mengikut jantina. Risiko paling tinggi diperhatikan pada peringkat pendidikan rendah, dengan kadar NEET wanita mencecah 41.2 peratus (umur 15–30) berbanding hanya 11.2 peratus bagi lelaki. Pada peringkat pendidikan menengah, kadar NEET wanita (14.8%) melebihi daripada dua kali ganda berbanding lelaki (6.0%). Pendidikan tertiar pula mengurangkan tahap ketidaklibatan kepada paras paling rendah secara keseluruhan (7.5% bagi umur 15–30). Menarik untuk diperhatikan bahawa dalam kumpulan pendidikan tertiar (15–24 tahun), dinamik ini secara sementara menunjukkan pembalikan, dengan lelaki muda mencatat kadar NEET yang sedikit lebih tinggi (5.8%) berbanding wanita (5.2%), sebelum kembali normal pada peringkat dewasa apabila wanita berpendidikan tertiar sekali lagi melebihi lelaki (8.7% berbanding 6.1%). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun akses pendidikan berjaya memperkasa pencapaian akademik wanita, pasaran buruh masih tidak cukup fleksibel untuk mengekalkan tenaga kerja wanita berkelayakan tinggi [Carta 5].

Carta 5:

**Kadar NEET Belia Malaysia mengikut Pencapaian Pendidikan, 2024 (%)**




**Sumber:** Pengiraan pengarang berdasarkan data Survei Tenaga Buruh, DOSM

Punca pengangguran belia mengukuhkan lagi jurang jantina ini. Lelaki muda yang menganggur kebanyakannya terlibat dalam pencarian pekerjaan secara aktif; lelaki mencatat kadar pencarian kerja aktif sebanyak 53.5 peratus (15–24 tahun) dan 46.8 peratus (15–30 tahun), jauh lebih tinggi berbanding rakan sebaya wanita (33.6% dan 20.7%, masing-masing). Golongan pencari kerja putus asa pula merangkumi bahagian yang kecil bagi kedua-dua jantina.

Bagi belia tidak aktif, tanggungjawab keluarga dikenal pasti sebagai kekangan utama dalam kalangan wanita, meningkat daripada 37.9 peratus dalam kumpulan umur lebih muda kepada 61.0 peratus dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun. Sebaliknya, tanggungjawab keluarga hanya menyumbang maksimum 10.2 peratus kepada ketidakaktifan dalam kalangan lelaki. Sebaliknya, ketidakaktifan ekonomi lelaki lebih banyak dipacu oleh faktor kesihatan atau keadaan tidak diklasifikasikan; lelaki berumur 15 hingga 30 tahun mencatat 23.7 peratus ketidakaktifan akibat penyakit atau ketidakupayaan, berbanding hanya 5.0 peratus bagi wanita **[Carta 6]**.

Carta 6:

### Komposisi Belia Menganggur dan Tidak Aktif di Malaysia mengikut Sebab (%)



Sumber: Pengiraan pengarang berdasarkan data Survei Tenaga Buruh, DOSM

### Had Kajian

Walaupun kajian ini memberi analisis mendalam tentang belia NEET di Malaysia, beberapa had kajian perlu diambil kira. Pertama, kajian ini menggunakan data keratan rentas (cross-sectional) daripada Survei Tenaga Buruh (STB) 2024 yang hanya menunjukkan situasi pada satu masa sahaja. Tanpa pemantauan jangka panjang, kajian ini tidak dapat memastikan berapa lama seseorang itu kekal dalam status NEET atau membuktikan kesan buruknya terhadap pendapatan masa depan mereka. Kedua, definisi STB yang ketat dalam tempoh rujukan empat minggu mungkin tersalah anggap belia yang bekerja dalam ekonomi gig atau sektor tidak formal seperti pencipta kandungan, pekerja bebas, atau peniaga dalam talian sebagai “tidak aktif” atau “menganggur” kerana aktiviti mereka tidak memenuhi kriteria kerja formal.

Selain itu, data ini terlalu luas dalam mengkategorikan punca ketidakaktifan ekonomi. Walaupun “tanggungjawab keluarga” menjadi punca utama belia wanita keluar daripada pasaran buruh, data sedia ada tidak menjelaskan secara terperinci sama ada ia disebabkan oleh penjagaan anak, pengurusan warga emas, atau masalah kos pengasuhan. Bagi belia lelaki pula, sebanyak 23.7 peratus daripada mereka dikategorikan di bawah “sakit, kurang upaya, atau punca lain”, yang mana kategori ini terlalu umum untuk melihat halangan sebenar yang mereka hadapi. Akhir sekali, kajian ini hanya melihat trend makro pada peringkat nasional bagi kumpulan umur 15 hingga 24 dan 15 hingga 30 tahun. Pendekatan ini mengetepikan perbezaan kawasan seperti jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar atau perbezaan peluang pekerjaan mengikut negeri, yang mungkin menyembunyikan masalah ekonomi yang lebih serius di peringkat tempatan.

## Kesimpulan

Analisis pasaran buruh belia Malaysia pada tahun 2024 menunjukkan bahawa walaupun negara mencatat kadar NEET agregat yang sederhana (8.7%) berbanding negara ASEAN lain, perspektif makro ini tidak menggambarkan sepenuhnya ketidakseimbangan struktur dan perbezaan ketara berasaskan jantina. Corak perkembangan belia Malaysia didapati sangat dipengaruhi oleh jantina, bermula dengan fasa peralihan bersama daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan pada peringkat awal belia, sebelum berkembang kepada perbezaan yang ketara menjelang umur 30 tahun. Sementara golongan lelaki muda berjaya menempatkan diri mereka dalam tenaga kerja aktif, sebahagian besar golongan wanita muda beralih secara sistematik daripada alam pendidikan kepada ketidakaktifan ekonomi jangka panjang.

Jurang perbezaan ini mendedahkan satu paradoks struktur yang ketara dalam kerangka sosioekonomi Malaysia. Akses pendidikan yang saksama selama berdekad-dekad telah memperkasakan golongan wanita muda dari segi akademik, yang mana kadar pencapaian pendidikan tinggi dalam kalangan wanita kini lebih tinggi berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, benteng perlindungan yang biasanya ditawarkan oleh pendidikan tinggi gagal mengekalkan bakat wanita sepenuhnya dalam pasaran kerja. Jurang ini amat meruncing dalam kalangan wanita berkemahiran rendah dan berpendidikan menengah, yang menghadapi kadar NEET yang sangat tinggi.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa ketidaklibatan ekonomi belia di Malaysia bukanlah isu tunggal yang berpunca daripada kekurangan peluang pekerjaan semata-mata. Bagi belia lelaki, cabaran yang dihadapi lebih bersifat friksional dan dipengaruhi oleh faktor pasaran buruh, yang dicirikan oleh pencarian pekerjaan secara aktif serta pengangguran struktur pada peringkat awal. Sebaliknya, bagi belia wanita, kekangan yang wujud lebih berkait dengan faktor sosial dan institusi, yang banyak dipengaruhi oleh kekangan domestik serta tanggungjawab keluarga tanpa upah, khususnya pada fasa utama pembinaan keluarga dalam kitaran kehidupan.

Sehubungan itu, usaha menangani cabaran belia NEET di Malaysia memerlukan kerangka dasar yang bersifat dua serampang. Pertama, dasar ekonomi perlu memberi tumpuan kepada pewujudan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang sejajar dengan keperluan pasaran bagi kumpulan pencari kerja aktif yang didominasi lelaki. Kedua, dan lebih kritikal, dasar sosial perlu memperkenalkan struktur sokongan yang kukuh seperti penyediaan infrastruktur penjagaan kanak-kanak yang mudah diakses, perkhidmatan penjagaan warga emas bersubsidi serta pengaturan kerja fleksibel yang dilindungi dari segi perundangan. Hanya dengan merungkai kekangan domestik yang bersifat sistemik terhadap wanita, Malaysia dapat mengoptimumkan potensi tenaga kerja wanita berpendidikan tinggi sebagai aset ekonomi jangka panjang yang produktif.

## Penafian

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

## Pengiktirafan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih yang tulus kepada semua pihak yang memberikan bimbingan dan bantuan pakar sepanjang proses berlangsung. Kami juga amat menghargai rakan-rakan kami di Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS) atas sumbangan berharga mereka dalam menyediakan dan meningkatkan kualiti artikel ini.

## Sumber Rujukan

- Abu Hassan et al. (2023). *ISVS e-journal: Journal of the International Society for the Study of Vernacular Settlements*, 10(9), 343–351. <https://doi.org/10.61275/ivsej-2023-10-09-24>
- Avagianou, A., Kapitsinis, N., Papageorgiou, I., Strand, A. H., & Gialis, S. (2022). *Being NEET in Youthspaces of the EU South: A Post-recession Regional Perspective*. *Young*, 30(5), 425–454. <https://doi.org/10.1177/11033088221086365>
- Bardak, U., Maseda, MR, & Rosso, F. (2015). *Young People Not in Employment, Education or Training (NEET): An Overview in ETF Partner Countries*. European Training Foundation; European Training Foundation. <https://eric.ed.gov/?id=ED581459>
- Brzinsky-Fay, C. (2021). *NEET in Germany: Labour market entry patterns and gender differences*. In *Youth Labor in Transition* (pp. 57–58). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003096658-3>
- Department of Statistics Malaysia (DOSM) - *National Transfer Accounts, 2022* (2026). <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/national-transfer-accounts-malaysia-2022>
- Elder, S. (2015). *What does NEETs mean and why is the concept so easily misinterpreted?* (Technical Brief No. 1). International Labour Office.
- European Agency for Special Needs and Inclusive Education. (2016). *Early school leaving and learners with disabilities and/or special educational needs: A review of the research evidence focusing on Europe* (A. Dyson & G. Squires, Eds.). Odense, Denmark.
- Furlong, A. (2006). *Not a very NEET solution: Representing problematic labour market transitions among early school leavers*. *Work, Employment and Society*, 20(3), 553–569. <https://doi.org/10.1177/0950017006067001>
- Harun, M. S., Mohamad Ali, N., Mohd Ali Khan, N. L., & Malaysian Bureau of Labour Statistics. (2020). *The determinants of Malaysian's youth not in employment, education or training*. Paper presented at the 2020 Asia-Pacific Statistics Week. [https://www.unescap.org/sites/default/files/APS2020/65\\_The\\_Determinants\\_of\\_Malaysian\\_Youth\\_not\\_in\\_Employment\\_Education\\_or\\_Training.pdf](https://www.unescap.org/sites/default/files/APS2020/65_The_Determinants_of_Malaysian_Youth_not_in_Employment_Education_or_Training.pdf)
- Hutchinson, J., Beck, V., & Hooley, T. (2016). *Delivering NEET policy packages? A decade of NEET policy in England*. *Journal of Education and Work*, 29(6), 707–727. <https://doi.org/10.1080/13639080.2015.1051519>
- International Labour Organization (ILO). (2019). *Statistics on youth*. Ilo.Org. <https://ilostat.ilo.org/topics/youth/>

- International Labour Organization (ILO). (2024). *Global employment trends for youth 2024: Decent work for youth in a transforming world*. International Labour Office. <https://www.ilo.org/publications/global-employment-trends-youth-2024>
- Maguire, S. (2015). NEET, Unemployed, Inactive or Unknown – why does it matter? *Educational Research*, 57(2), 121–132. <https://doi.org/10.1080/00131881.2015.1030850>
- Morris, K. (2023). Getting a foot in the door: Local labour markets and the school-to-work transition. *Journal of Youth Studies*, 28(1), 137–157. <https://doi.org/10.1080/13676261.2023.2248905>
- Mühlböck, M., Kalleitner, F., Steiber, N., & Kittel, B. (2022). Scarring Dreams? Young People's Vocational Aspirations and Expectations During and After Unemployment. *Social Inclusion*, 10(2), 252–264. <https://doi.org/10.17645/si.v10i2.5162>
- Odoardi, I., D'Ingiullo, D., & Quaglione, D. (2022). Gender disparities between young and adult NEETs: Do we need a more refined policy approach? *Applied Economics*, 55(56), 6685–6699. <https://doi.org/10.1080/00036846.2022.2161991>
- Philippine Statistics Authority (PSA). (2024). *Psa.Gov.Ph*. <https://psa.gov.ph/system/files/iesd/Press-Release-for-July-2024-LFS.pdf>
- Pimentel, M., Simões, F., Marques, P. F., & Barbosa-Ducharne, M. (2025). A mapping review on NEETs' psychological characteristics: Informing policies and programs. *Journal of Community & Applied Social Psychology*, 35(2), Article e70070. <https://doi.org/10.1002/casp.70070>
- United Nations (2025). *The Sustainable Development Goals Report 2025*. <https://unstats.un.org/sdgs/report/2025/The-Sustainable-Development-Goals-Report-2025.pdf>
- United Nations Population Fund (UNFPA). (2024). *Country programme document for Malaysia*. United Nations. [https://www.unfpa.org/sites/default/files/board-documents/main-document/DP.FPA\\_CPD\\_MYS\\_2%20-%20Malaysia%20CPD%20-%20DRAFT%20final%20-%2010Nov25-updated.pdf](https://www.unfpa.org/sites/default/files/board-documents/main-document/DP.FPA_CPD_MYS_2%20-%20Malaysia%20CPD%20-%20DRAFT%20final%20-%2010Nov25-updated.pdf)
- Weiss, J., Ferrante, L., & Soler-Porta, M. (2021). There is no place like home! How willing are young adults to move to find a job? *Sustainability*, 13(13), 7494. <https://doi.org/10.3390/su13137494>

## Key Reviews for Q1 2026

- ▶ Malaysia's labour market remained strong and resilient in the First Quarter of 2026, with the Labour Force Participation Rate (LFPR) at 70.9 per cent and Labour Demand improving, as reflected by a Job Vacancies Rate of 2.1 per cent.
- ▶ The labour market remained resilient in the first quarter of 2026 despite the conflict in West Asia, supported by increment of labour force by 0.9 per cent year-on-year to 17.23 million persons. Consequently, the labour force participation rate rose by 0.1 percentage points to 70.9 per cent.
- ▶ The number of employed persons continued to expand by 1.0 per cent to 16.73 million persons, while the employment-to-population ratio increased to 68.8 per cent. At the same time, the number of unemployed persons declined by 3.1 per cent (-16.0 thousand) to 506.5 thousand persons, resulting in an unemployment rate of 2.9 per cent
- ▶ The number of employed persons working less than 30 hours per week continued to record a decline of 4.1 per cent from a year ago to 231.6 thousand persons, supported by strong domestic demand throughout the first quarter of 2026. Correspondingly, the skill-related underemployment rate, which accounted more than one-third of employed persons with tertiary-education, decreased by 0.5 percentage points to 35.2 per cent in the first quarter of 2026, while the time-related underemployment rate also declined to 0.7 per cent.
- ▶ Labour demand recorded an increase in the number of jobs by 1.8 per cent year-on-year to 9.23 million jobs. Within this total, 97.9 per cent were filled job also rose by 1.8 per cent to reach 9.03 million. Meanwhile during the same period vacancies recorded marginal increase of 0.4 per cent to 194.8 thousand. However, the number of jobs created lessened by 1.5 per cent year-on-year to 32.7 thousand.
- ▶ Malaysia's economy expanded by 5.4 per cent in the first quarter of 2026 as compared to 4.4 per cent in the previous year of the same quarter. Labour productivity, as measured by value added per employed person, increased by 4.3 per cent to RM26,171 per person. During the same period, total hours worked rose by 0.5 per cent to 9.63 billion hours. Consequently, labour productivity per hour worked grew by 4.8 per cent, reaching RM45.5 per hour.
- ▶ Overall, although Malaysia's current labour market situation remains stable and resilient, supported by domestic economic growth, the government needs to ensure a balance between price stability, maintaining consumer purchasing power and economic sustainability. At the same time, continuous efforts should be intensified to enhance productivity, strengthen skills development and ensure more inclusive and sustainable labour market growth amid the current economic uncertainties.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**  
*This page is deliberately left blank*

## Malaysia's labour market remained strong and resilient in the First Quarter of 2026, with the Labour Force Participation Rate (LFPR) at 70.9 per cent and Labour Demand improving, as reflected by a Job Vacancies Rate of 2.1 per cent

